



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I

Bil. 14

Hari Khamis

18hb Disember, 1986

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan)

(Ruangan 18)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 18hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

INDUSTRI SENJATA RINGAN

1. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Pertahanan menjelaskan dahulunya ada rancangan untuk mewujudkan satu asas industri senjata ringan di negara kita. Bagaimanakah kedudukan perkara tersebut memandangkan industri pembuatan senjata adalah satu yang strategik dengan kedudukan negara dan perkembangan politik masa kini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar, dahulunya ada rancangan untuk mewujudkan satu asas perusahaan senjata ringan. Buat permulaannya, Kerajaan telahpun menubuhkan Syarikat Malaysia Explosive Sdn. Bhd. iaitu satu syarikat yang mengeluarkan peluru dan alat letupan kecil seperti hand grenade. Satu kajian mengenai pengeluaran senapang tempor (assault rifle) telah dijalankan oleh pihak Angkatan Tentera. Namun demikian, dalam keadaan ekonomi sekarang, projek ini terpaksa ditangguhkan sehingga keadaan mengizinkan.

Adalah diakui bahawa industri senjata ringan ialah satu industri yang strategik dan perlu diberi perhatian oleh Kerajaan. Namun demikian, Kerajaan harus juga mengambil kira dari sudut kos pengeluaran dan pasaran yang terhad iaitu hanya untuk keperluan

Angkatan Tentera dan Polis DiRaja. Di samping itu, kemungkinan untuk mengeksport ke luar negeri adalah sukar dilaksanakan memandangkan semua negara di rantau ini mempunyai industri senjata ringan sendiri.

URUSETIA HAL EHWAL WANITA

2. **Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perancangan untuk mengemaskinikan masalah wanita-wanita sesuai dengan wujudnya Badan untuk Hal Ehwat Wanita.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, segala rancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita ada dikendalikan oleh Kementerian/Jabatan tertentu mengikut bidang tugas masing-masing. Di samping itu untuk memastikan perkhidmatan yang disediakan itu sampai kepada golongan sasaran sebenarnya iaitu wanita, Urusetia Hal Ehwat Wanita telah mengambil langkah mewujudkan satu sistem pengesanan yang dianggotai oleh 24 orang Pegawai Penyelaras daripada 24 buah Kementerian. Dengan ini adalah diharapkan bahawa Urusetia Hal Ehwat Wanita dapat memastikan bahawa segala kemudahan, rancangan, bantuan dan sebagainya yang disediakan oleh Kerajaan boleh dinikmati oleh wanita.

Sehubungan dengan ini, satu sistem khidmat rujukan diwujudkan, yang merupakan satu saluran melalui mana wanita-wanita yang menghadapi masalah dalam bidang-bidang tertentu dapat dibantu.

Berkaitan dengan tanggungjawab Urusetia Hal Ehwat Wanita untuk mengenalpasti keperluan wanita dari masa ke semasa, sebuah pusat sumber maklumat telah diwujudkan. Dengan adanya maklumat kemaskini yang penting, Urusetia Hal Ehwat Wanita bolehlah merancang strategi yang bersesuaian mengikut keperluan semasa bagi wanita.

Urusetia Hal Ehwal Wanita juga telah berusaha menyatukan sumber-sumber tenaga wanita menerusi rangkaian pertubuhan-pertubuhan sukarela supaya khidmat mereka dapat digunakan sepenuhnya untuk kepentingan wanita. Dalam hal ini, Urusetia Hal Ehwal Wanita sedang di dalam proses membentuk sebuah 'data base' yang lengkap mengenai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita, dalam sektor Kerajaan ataupun bukan Kerajaan. Tujuan utama aktiviti ini, yang melibatkan 124 buah pertubuhan wanita bukan Kerajaan dan 53 buah pertubuhan wanita Kerajaan adalah untuk menyediakan pihak Kerajaan dengan maklumat-maklumat asas yang dapat membantu melicinkan pelaksanaan rancangan-rancangan bagi wanita keseluruhannya.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, apakah jenis bantuan atau khidmat yang diberi kepada mangsa-mangsa keganasan, mangsa perkosaan dan masalah-masalah rumahtangga. Keduanya, apakah jenis pembelaan yang boleh diberi kepada wanita-wanita yang dianiaya oleh majikan-majikan mereka?

Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dinyatakan, Urusetia Hal Ehwal Wanita melalui sistem khidmat rujukannya memanjangkan kes-kes yang dihadapi oleh mereka ini kepada pihak-pihak yang memberi khidmat seperti kaunseling, tempat perlindungan sementara, mendapat injunction, dengan izin, dari mahkamah dan lain-lain. Pihak-pihak yang dimaksudkan adalah seperti Kementerian Kebajikan Masyarakat,

Kementerian Kesihatan, Unit Khas di Jabatan Polis, Biro Bantuan Guaman, Lembaga Kependudukan dan Pembangunan Keluarga dan badan-badan bukan Kerajaan yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita.

Mengenai pembelaan terhadap penganiayaan yang dilakukan oleh majikan-majikan terhadap wanita, perkhidmatan akan disediakan oleh pertubuhan wanita tertentu untuk menjalankan siasatan dan Kerajaan menyokong usaha-usaha seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mazidah binti Haji Zakaria.

Puan Nazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati kadangkala selalu berlaku tinda-tindih dari segi usaha-usaha yang dijalankan untuk memajukan dan mempertingkatkan penglibatan wanita dan dalam soal-soal penyelesaian masalah-masalah yang mereka hadapi.

Sehubungan dengan ini apakah gamaknya peranan yang dimainkan oleh Unit Hal Ehwal Wanita ini dari segi penyelarasan dan dari segi mengurangkan kes-kes tinda-tindih kerana masalahnya ialah sasaran itu sama dan kemungkinan berlaku pembaziran dan sebagainya dari segi tindakan yang diambil.

Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan tadi bahawa Urusetia Hal Ehwal Wanita telahpun mewujudkan sistem khidmat rujukan dengan tujuan memanjangkan masalah-masalah yang dihadapi kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Di samping itu seperti yang telah dinyatakan bahawa Urusetia Hal Ehwal Wanita telah mewujudkan sistem pengesanan dengan tujuan mendapat khidmat daripada pegawai-pegawai penyelarasan di Kementerian-kementerian yang berkenaan yang menghadapi masalah-masalah ini. Di samping itu juga Urusetia Hal Ehwal Wanita juga telah merancang program pertemuan dan taklimat dengan pertubuhan-pertubuhan wanita di seluruh negara dengan tujuan untuk mengkaji dan menilai peringkat serta kesan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan terhadap wanita Malaysia, juga bidang-bidang atau program-program yang bertinda-tindih dan usaha penyelarasan di mana berlaku serta aktiviti-aktiviti yang dirancangkan di masa depan.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan selain daripada Biro Guaman yang akan disediakan untuk menampung masalah-masalah wanita, tidakkah Unit Hal Ehwal Wanita ataupun HAWA ini bercadang hendak menubuhkan satu Biro Guaman mengenai wanita-wanita Islam iaitu yang berkaitan dengan hukum-hakam syariah atau syarai'ah?

Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ekonomi dan juga batasan-batasan tertentu yang dihadapi oleh pihak Kerajaan, Kerajaan belum lagi bercadang untuk menjalankan usaha seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu ada 24 orang pegawai penyalaraan dari Jabatan-jabatan. Saya ingin mendapat tahu melalui 24 orang itu adakah daripada kesemua kaum wanita atau bercampur dengan kaum lelaki, kemudian sejauh mana semenjak badan ini ditubuhkan pembelaan kepada wanita yang dapat dikenalpasti. Terima kasih.

Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kesemua 24 orang pegawai penyelarar daripada 24 buah Kementerian itu kebetulannya wanita. Namun demikian, kalau ada di satu-satu masa yang akan datang, kalau ada di kalangan 24 itu mungkin di kalangan kaum bapa yang berminat untuk turut menyumbang dan berkhidmat dalam urusan atau masalah wanita, kita terima baiklah. Tetapi buat sementara waktu semuanya wanita dan juga setakat ini oleh kerana sistem ini baru diwujudkan dan boleh dikatakan setakat bulan September pada tahun ini masih lagi dalam proses untuk mengemaskini sistem ini.

HUBUNGAN PENUNTUT DENGAN KEDUTAAN

3. **Tuan Haji Hussein bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauhmanakah kedutaan-kedutaan kita di luar negeri berusaha untuk merapatkan perhubungan dengan penuntut-penuntut kita di sana dari segi kebajikan mereka, penyibaran maklumat negara semasa dan apakah peranan-peranan yang diberikan kepada penuntut-penuntut itu demi untuk menjaga nama baik dan kepentingan negara.

Menteri Luar Negeri [Dato' Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri dengan dibantu oleh Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia sentiasa memupuk hubungan baik dengan penuntut-penuntut kita demi menentukan bahawa kebajikan mereka mendapat perhatian yang sewajarnya. Setakat ini masalah-masalah mengenai biasiswa, konsular dan tempat tinggal telah dapat diselesaikan. Lawatan-lawatan ke pusat-pusat pelajar dilakukan oleh pegawai-pegawai Kedutaan untuk meninjau sendiri akan keadaan dan kebajikan mereka.

Maklumat negara yang kemaskini disembarkan melalui pelbagai bahan-bahan penerangan, penerbitan dan suratkhbar *The New Straits Times* dan *Utusan Malaysia*, *Berita Bernama* telah dibekalkan ke pusat-pusat pelajar Malaysia serta di institusi-institusi pengajian tinggi yang mempunyai ramai penuntut-penuntut kita.

Makalah-makalah seperti *Mastika*, *Budiman*, buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka diterima untuk kegunaan mereka. *Berita Malaysia* dan *Malaysian Digest* diterbitkan oleh Kementerian Luar Negeri, juga dibekalkan kepada mereka. Di samping itu, berita-berita semasa dikemukakan sewaktu lawatan-lawatan mengunjungi mereka oleh pegawai-pegawai kedutaan atau para pemimpin juga dibekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, penuntut-penuntut Malaysia dapat dianggap sebagai 'duta' di tempat mereka belajar. Menyedari akan hakikat ini, Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri sedaya-upaya membantu mereka mengadakan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti mereka yang seharusnya adalah bercorak kebudayaan dan sukan. Bahan-bahan kebudayaan dan penerangan dipinjamkan kepada mereka di samping memberi tunjuk-ajar yang difikirkan perlu.

Hubungan dua hala antara kedutaan dengan pertubuhan-pertubuhan pelajar kita adalah sentiasa berjalan.

Tuan G. Rajoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk menyatakan:

- (i) sama ada kedutaan-kedutaan kita mempunyai Jabatan Penuntut di setiap kedutaan kita;
- (ii) apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu penuntut-penuntut dengan penyebaran maklumat di negara-negara yang tidak mempunyai Jabatan Penuntut kita.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, hampir di kesemua Kedutaan Besar kita di seberang laut sudut hal ehwal pelajar adalah diwujudkan, terutama di Kedutaan-kedutaan Besar kita di New York, Washington, Chicago, Manchester, London, Australia dan juga New Zealand. Adalah dirancang beberapa pusat lagi akan diwujudkan sekiranya populasi penuntut-penuntut kita memerlukannya.

Saya telah menyatakan sebentar tadi bahawa kemudahan-kemudahan ini adalah setakat yang termampu oleh Kerajaan di samping peralatan dan juga media-media yang disalurkan kepada mereka, setakat ini, hubungan inter-personal, dengan izin, adalah dipupuk terus-menerus.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada setengah-setengah golongan sama ada golongan daripada rakyat Malaysia yang telah cuba meracuni fikiran anak-anak kita atau pelajar-pelajar kita di luar negeri. Apakah tindakan atau usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kedutaan kita bagi membanteras atau membendung keadaan yang telah berlaku itu.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kisah atau perihal berasas kepada gara-gara meracun fikiran pelajar-pelajar kita di seberang laut adalah sesuatu yang bukan baru, yang kita alami, malah gara-gara dan percubaan itu telahpun berjalan semenjak satu dekad yang lalu. Anih, kononnya peracun tersebut bukanlah datang dari luar, tetapi mereka yang menyebarkan fikiran ataupun pendapat yang memecah-belahkan penuntut-penuntut kita itu muncul dan datang daripada negara kita sendiri, yang pergi melawat ke seberang laut atas urusan-urusan peribadi dan politik dan mengumpulkan penuntut-penuntut tersebut agar mereka menyeleweng dan tidak menghargai perjuangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini maklum bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran bahawa pihak-pihak tersebut mempunyai motif politik semata-mata. Di samping itu memang diakui pula bahawa beberapa punca pemecah sama ada dari seberang laut ataupun dari kawasan-kawasan regional atau wilayah memainkan peranan bersama, mereka ini juga mempunyai hubungan rapat atas apa yang disifatkan sebagai memecah-belahkan penuntut-penuntut kita.

Bagi menjawab soalan yang kedua atau ambil kedua soalan-soalan **ini**, saya suka nyatakan bahawa Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Kementerian Pelajaran adalah sentiasa berdamping dan bekerjasama untuk mencari jalan bagaimana mutu serta hala pemikiran penuntut-penuntut kita sentiasa beraliran negara sendiri ataupun Malaysia sendiri. Untuk ini maka kita menyalurkan berbaga-bagai cara untuk menyamatarafkan pendirian mereka yang inginkan pengetahuan dengan kemampuan yang ada. Ini adalah menerusi kursus-kursus, perhimpunan-perhimpunan dan juga peluang-peluang yang boleh disertai oleh pemimpin-pemimpin kita. Sebab itulah setiap kali pemimpin-pemimpin negara keluar negeri mereka mengambil kesempatan untuk bertemu, berhujah dan bertukar-tukar fikiran dengan para pelajar kita. Insya Allah, dengan pendirian yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu Kementerian ini akan lebih berinspirasi lagi untuk meningkatkan perjuangan demi kepentingan kita bersama.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah jumlah gabungan penuntut-penuntut yang ada di luar negeri serta apakah jenis aktiviti-aktiviti mereka **itu**.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, menerusi soalan itu lebih baiklah saya rasa Kementerian Pelajaran memberikan maklumat-maklumat yang detail kepada Ahli Yang Berhormat. Tetapi sekali gus dan secara am dapatlah saya nyatakan bahawa dari jumlah lebih kurang 42,000 penuntut-penuntut tanahair di seberang laut, mereka adalah terbahagi kepada 12 persatuan besar dan sebahagian daripada persatuan-persatuan ini tidak semesti mirip kepada apa yang dipanggil sebagai persatuan yang didukung oleh penduduk-penduduk dan penuntut-penuntut Malaysia sendiri. Dari 12 pertubuhan ini, lima

lebih kurang adalah mempunyai pendirian yang boleh kita harapkan sebagai pendirian yang menyokong Kerajaan dan negara kita,

KAD PENGENALAN - PENGESAHAN GURU BESAR

4. **Puan Rokiah binti Zanuddin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mendapat surat pengesahan dari Guru Besar Sekolah yang mereka menuntut terlebih dahulu sebelum kanak-kanak boleh mengambil kad pengenalannya bagi menghapuskan sindiket menipu bagi mendapat kad pengenalan untuk kanak-kanak pendatang haram.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak bercadang mesyarakatkan kanak-kanak yang memohon kad pengenalan keluaran pertama (semasa mencapai umur 12 tahun) mengemukakan surat pengesahan dari Guru Besar Sekolah kerana ini bukanlah satu langkah yang dapat mengelakkan sindiket menipu bagi mendapatkan kad pengenalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kad pengenalan tidak dikeluarkan kepada sesiapa sahaja yang memohon tetapi hanya kepada yang layak dan boleh mengemukakan dokumen-dokumen tertentu. Bagi permohonan kad pengenalan keluaran pertama, dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan ialah:-

- (i) Sijil kelahiran, jika dilahirkan di negara ini;
- (ii) Paspot atau Permit Masuk jika dilahirkan di luar negeri.

Tanpa dokumen-dokumen di atas, permohonan untuk kad pengenalan tidak akan diterima.

Kementerian Dalam Negeri berpuashati dengan sistem yang berjalan sekarang dan tidak bercadang untuk membuat sebarang perubahan,

HARGA BARANGAN KEPERLUAN

5. **Dato' Dr K. S. Nijhar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada langkah-langkah dapat diambil dengan secepat mungkin untuk menurunkan harga barangan keperluan sejajar dengan pengurangan pendapatan kumpulan yang berpendapatan rendah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[**Tuan M.G. Pandithan**]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberikan jawapan kepada soalan yang hampir serupa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Haji Shuaib bin Lazim pada 15hb Disember, 1986 di Dewan yang mulia *ini*. Perkara ini telah juga saya hurai-kan ketika menjawab soalan yang dikemukakan kepada Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Lajim pada 9hb Disember, 1986. Saya tidak bercadang untuk memberi apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan yang telah diberikan itu,

I.T.M. - PENUNTUT MENAGIH DADAH

6. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab dan punca sebenar dari penyiasatan yang dilakukan, kejadian menagih dadah di I.T.M. Shah Alam dan Perlis baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari penyiasatan yang telah dijalankan ke atas pelajar-pelajar I.T.M. khususnya di Kampus

Shah Alam dan Perlis yang menagih dadah adalah didapati bahawa pelajar-pelajar berkenaan menghadapi tekanan jiwa akibat dari perpecahan keluarga dan pengaruh-pengaruh luar.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah diambil oleh Kementerian ini bagi membendung anasir dadah ini daripada merebak ke lain-lain pusat pengajian di negara ini.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang Kementerian Pelajaran sedang mengkaji bahawa pelajar-pelajar yang hendak masuk institusi pelajaran tinggi, seperti I.T.M. terlebih dahulu mereka mesti pastikan bebas diri salahgunaan dadah dan Kementerian Pelajaran sekarang juga meminta pelajar-pelajar yang sedang berada di institusi pelajaran tinggi untuk meningkatkan disiplin mereka, mengemaskan tempat tidur mereka dan kalau kewangan dapat mengizinkan, Kementerian Pelajaran akan menurunkan bilangan pelajar-pelajar di tiap-tiap bilik tidur.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran memberitahu apakah tindakan yang telah diambil kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes menagih dadah ini.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya belum sedar apakah tindakan positif yang sudah dijalankan terhadap mereka, tetapi sekarang perkara ini sedang disiasat dan kalau mereka didapati ada menyimpan dadah, mereka akan dihantar kepada polis untuk disiasat. Dan kalau mereka penagih dadah, mereka akan diambil tindakan untuk diperiksa oleh doktor dan dijaga oleh doktor.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, apakala ditanya dalam soal penglibatan penuntut-penuntut di dalam penyalahgunaan dadah, maka jawapan diberi senang sahaja, kerana sebahagian besarnya berpunca daripada perpecahan keluarga. Pertama, apakah benar jawapan ini? Betulkah semua yang menghisap dadah itu kerana perpecahan keluarga, satu. Dan jawapan ini betulkah berpandukan kepada analisa yang mendalam atau satu pengajian yang telah dibuat oleh pihak Kementerian Pelajaran, atau jawapan ini sengaja hendak dijawab begitu sahaja atau sebab musababnya ialah di atas kelemahan pentadbiran institusi pelajaran itu sendiri yang menyebabkan terlibatnya anak-anak ini dengan dadah, atau tidak cukup penjelasan, pengenalan diberi oleh pihak institusi pelajaran itu kepada penuntut-penuntutnya betapa bahayanya dengan dadah ini, setidaknya diberi maklumat bahawa menyalahgunakan dadah tidak boleh menyelesaikan masalah pergisiran atau perpecahan keluarga yang telah mereka alami. Itulah tiga perkara yang saya harap mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan-cadangan dari Yang Berhormat tadi. Ini untuk mencegah salah-guna dadah ini bukanlah terlibat Kementerian Pelajaran sahaja. Ini terlibat dengan semua Kementerian-kementerian, Kerajaan, rakyat-rakyat dan juga Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat juga untuk kita memberi pengumuman kepada semua rakyat bahawasanya menyalahguna dadah itu satu perkara yang sangat-sangat serius di negara kita ini dan saya harap kita semualah, semua rakyat yang berada di Malaysia mengambil berat hati terhadap perkara ini dan pada masa hadapan kita dapatlah mencegah salahguna dadah ini dan Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil tindakan yang berat terhadap perkara ini dan kita sekarang sudah mengambil langkah yang positif untuk mencegah salahguna dadah di semua institusi pelajaran tinggi.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya yang mula-mula ialah mengapa berlakunya penagihan dadah di ITM, Shah Alam dan Perlis. Dari jawapan tadi sebahagian besar daripadanya kerana tekanan jiwa dan perpecahan keluarga masing-masing. Saya orang yang dekat dengan Shah Alam dan saya tahu keadaan Kampus di Shah Alam. Sebanyak sedikit perpecahan keluarga tidak memperlihatkan gejala-gejala itu, tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa budak-budak yang terlibat dengan penagihan dadah ini sebahagian daripadanya, budak-budak yang baik otaknya, baik pelajarannya, maka ada segolongan daripada pelajar di situ yang berasa cemburu untuk menjahanamkan kawan yang baik tadi supaya dia gagal dalam peperiksaan. Adakah Yang Berhormat menyedari keadaan ini berlaku?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tetapi saya mengaku kita ada pengaruh-pengaruh luar dan juga pelajar-pelajar yang sentiasa berada di ITM itu yang sudah menjadi penagih dadah ada mempengaruhi mereka yang baik untuk menyalahgunakan dadah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, nanti dahulu. Ini air-conditioned sudah rosak, ada rasa panas atau tidak? Jadi, mekanik yang minta jikalau boleh ditangguhkan mesyuarat selama setengah jam. Jikalau setuju, saya tangguhkan mesyuarat ini sampai jam 3.30 petang.

Menteri Kerjaraya [Dato' S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita boleh tahan sedikit lama lagi. Air-condition yang ada di sini, sebagai Menteri Kerjaraya, saya janji boleh tahan setengah jam lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Alright, saya cuma mahu, jangan tertidur sahaja sudahlah [**Ketawa**]. Baik kita sambung. Tadi ada soalan tambahan lagi?

Tuan Chan Choong Tak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dari penyiasatan, adakah tidak pengedar-pengedar di kawasan-kawasan yang berkenaan ditangkap?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya belum sedar kita ada menangkap siapa-siapa yang ada dadah, berkaitan dengan salahguna dadah di ITM.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebab saya kita perkara ini penting, saya kurang puas hati dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya ingin tahu berapa anak-anak muda kita, pelajar-pelajar kita yang benar-benar terlibat di Shah Alam. Berapa yang telah ditangkap berapa yang telah disingkir daripada institusi pengajian tinggi di Shah Alam dan Perlis baru-baru ini. Saya minta penjelasan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan angka-angka ini saya mintalah dengan jasa baik Yang Berhormat memberi notis dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ataupun beri surat, kalau kita mahu lebih lanjut lagi mengenai pertanyaan ini, perkara ini perlu disiasat secara mendalam. Kementerian yang ada sekarang jikalau memberi jawapan, mesti menjawab dengan betul, bukan sangka-sangka sahaja. Jikalau mahu, tulis surat dan bertanya. Apa yang boleh mereka buat, kemudian itu adalah atas jasa baik Yang Berhormat sendiri.

Daripada itu, I have to suspend the meeting. The main switch has gone off, so we have to adjourn this meeting for a while, half an hour, we hope by then it will be put all right. Main air-condition switch mahu dibuat oleh mekanik dan dia minta masa selama setengah jam. Jadi, kita beri dia sampai pukul 3.30 petang. Kita akan sambung semula mesyuarat selepas itu, Sekarang mesyuarat ditempohkan dahulu.

Persidangan ditempohkan pada pukul 3.05 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 3.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG RAHSIA RASMI [PINDAAN]

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.30ptg.

Timbalan Perdana Menteri [Tuan Abdul Ghafar bin Baba]: Bismillah-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Rahsia Rasmi seperti berikut:

- (a) untuk memasukkan takrif "bahan" dan "rahsia rasmi" kepada Akta itu;
- (b) untuk memasukkan peruntukan baru yang memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab untuk menambah, memotong atau meminda perkara-perkara yang telah ditetapkan sebagai sebahagian daripada perkara-perkara yang termasuk di bawah takrif "rahsia";
- (c) untuk memasukkan satu peruntukan yang mana memberi kuasa kepada seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi sesuatu negeri untuk melantik mana-mana pegawai awam bagi mengelaskan atau classify suratan-suratan, maklumat-maklumat atau bahan-bahan rasmi sebagai "rahsia besar", "rahsia",

"sulit" atau "terhad" untuk menjadikannya "rahsia rasmi" sebagaimana yang ditakrifkan;

- (d) untuk memasukkan satu peruntukan yang mana memberi kuasa kepada mana-mana Menteri berkenaan, Menteri Besar, Ketua Menteri dan pegawai-pegawai awam yang tertentu untuk mengelaskan semula atau declassify "rahsia rasmi" pada bila-bila masa supaya ianya tidak lagi menjadi "rahsia rasmi";
- (e) untuk mengganti perkataan-perkataan "benda, surat dan maklumat" dengan perkataan "rahsia rasmi" yang terdapat dalam seksyen-seksyen 7A dan 8 berikutan kemasukan takrif kepada perkataan "rahsia rasmi";
- (f) untuk memasukkan peruntukan baru yang memberi kuasa kepada mana-mana Menteri berkenaan, Menteri Besar, Ketua Menteri bagi sesuatu negeri dan pegawai-pegawai awam yang tertentu untuk membuat perakuan bahawa sesuatu surat rasmi, maklumat atau bahan adalah "rahsia rasmi" dan perakuan ini hendaklah menjadi keterangan yang conclusive atau muktamad dan ianya tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan;
- (g) untuk memasukkan satu peruntukan yang mana akan memberi hak pembelaan kepada pegawai-pegawai awam, sekiranya dituduh, mereka tidak akan didapati bersalah jika apa-apa yang dilakukan itu adalah dalam menjalankan tugas rasmi atau telah mendapat kuasa untuk berbuat demikian;

- (h) untuk membuat peruntukan di mana hukuman optional denda yang sedia ada dihapuskan daripada seksyen-seksyen 4, 7A, 7B, 8, 9(2), 11, 12 dan 13(1);
- (i) untuk menggantikan denda-denda yang sedia ada dalam seksyen-seksyen yang tersebut di atas dengan suatu hukuman minima penjara bagi tempoh satu tahun;
- (j) untuk menambah tempoh maksima bagi hukuman penjara dalam seksyen 11 dan 12 daripada 3 kepada 7 tahun. Tempoh maksima bagi penjara dalam seksyen-seksyen lain, iaitu seksyen 4, 7A, 7B, 8, 9(2) dan 13(1) adalah dikekalkan;
- (k) untuk memasukkan satu Jadual kepada Akta di mana diletakkan satu persatu jenis surat dan maklumat yang akan menjadi "rahsia rasmi".

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkasnya kepada Dewan yang mulia ini latarbelakang dan asas-asas pindaan yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang ini.

Di Malaysia, Undang-undang Rahsia Rasmi telah sedia ada sejak sebelum merdeka lagi yang mana adalah mengikut undang-undang British, begitu juga dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 yang berkuatkuasa sekarang. Dalam undang-undang semuanya itu tidak terdapat takrif kepada perkataan "rahsia rasmi" dan dengan itu ianya mempunyai pengertian yang sangat luas,

Mahkamah Tinggi Malaysia dalam satu kes dalam tahun 1978 telah dengan jelasnya membuat interpretasinya selaras dengan kehendak Akta Rahsia Rasmi. Dalam kes tersebut, Mahkamah Tinggi yang berkenaan telah memutuskan bahawa apa sahaja dokumen atau maklumat yang disimpan atau yang ada dalam tangan Kerajaan adalah "rahsia" selagi Kerajaan tidak mengizinkan bagi ianya dilepaskan atau diberi kepada pengetahuan awam.

Apabila cadangan untuk meminda Akta Rahsia Rasmi ini dibawa ke Dewan bagi kali yang pertamanya dahulu, tentangan dan berbagai pendapat telah disuarakan; di antara lain ialah bahawa pengertian yang luas itu amat menghadkan hak-hak individu untuk mendapatkan maklumat dan meminta Kerajaan mengadakan satu definisi "rahsia rasmi". Atas desakan rakyat maka Kerajaan telah menggubal satu pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 dengan memasukkan definisi kepada perkataan "rahsia rasmi". Mengikut takrif kepada perkataan "rahsia rasmi" sebagaimana yang dicadangkan, "rahsia rasmi" adalah dihadkan kepada dokumen-dokumen yang tertentu sahaja sebagaimana yang diletakkan dalam Jadual pada Rang Undang-undang dan ianya adalah seperti berikut:-

- (i) Surat, rekod keputusan dan pertimbangan Jemaah Menteri termasuklah juga surat, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Jemaah Menteri;
- (ii) Surat, rekod keputusan dan pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuklah juga surat, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
- (iii) Surat berkenaan dengan keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa.

Dokumen-dokumen yang lain, jika hendak dirahsiakan kerana sebab-sebab tertentu, maka dokumen-dokumen itu hendaklah ditanda atau dikelaskan sebagai "rahsia besar", "rahsia", "sulit" atau "terhad". Dengan demikian, dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat yang dirahsiakan tidak lagi meliputi semua dokumen yang ada di tangan Kerajaan seperti dahulu.

Sehubungan dengan ini, satu peruntukan baru dicadangkan "untuk dimasukkan ke dalam Akta iaitu satu peruntukan yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menambah, memotong atau meminda peruntukan-peruntukan dalam Jidualnya yang menyebutkan jenis-jenis dokumen atau maklumat yang termasuk dalam pengertian "rahsia rasmi". Di samping itu, kuasa untuk memperingkatkan (classity) dokumen dan maklumat-maklumat lain daripada yang terdapat dalam Jadual itu diberi kepada seorang Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri atau pegawai-pegawai awam yang tertentu yang mereka lantik. Juga peruntukan dicadangkan bagi membolehkan dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat rasmi yang telah menjadi rahsia dikelaskan semula (declassify) supaya ianya tidak menjadi rahsia lagi. Peruntukan ini adalah perlu oleh kerana keadaan yang dihadapi oleh negara dan Kerajaan adalah berubah-ubah dan dengan itu kemungkinan bagi sebahagian daripada apa yang dijeniskan sebagai "rahsia" cuma akan terus berada di peringkat "rahsia" bagi selama masa yang diperlukan sahaja. Ini bermakna ada di antaranya peringkat kerahsiaannya berada dalam masa yang singkat, dan ada pula berada dalam masa yang panjang yang mungkin berlarutan hingga bertahun-tahun yang mana waktu akhirnya tidak mungkin dapat dipastikan. Ada pula yang dahulunya tidak dirahsiakan tetapi keadaan yang telah berubah itu memaksanya dirahsiakan.

Sebagaimana yang saya katakan tadi, kuasa untuk mengelaskan semula atau declassify juga didcadangkan dan maksudnya ialah apabila keadaan mengizinkan, mana-mana dokumen atau maklumat yang telah dirahsiakan ditamatkan peringkat kerahsiaannya. Kuasa ini diberikan kepada mana-mana Menteri yang berkenaan, Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi sesuatu negeri, pegawai-pegawai awam yang mengetuai Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan Kerajaan, termasuklah

Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri. Kuasa ini diberikan kepada pegawai-pegawai awam di peringkat atasan sahaja oleh kerana sebagai Ketua Jabatan adalah difikirkan lebih arif untuk menimbang akan keadaan semasa bagi menentukan benar-benar tamat peringkat kerahsiaannya dari segi kepentingan negara yang mana melibatkan tugas-tugas dan tanggungjawab Jabatannya.

Satu lagi peruntukan baru dicadangkan yang mana diadakan bagi maksud menerima keterangan di mahkamah. Peruntukan ini memberi kuasa kepada seorang Menteri yang berkenaan, Menteri Besar, Ketua Menteri bagi sesuatu negeri dan mana-mana pegawai awam yang mengetuai sesuatu Kementerian atau Jabatan Kerajaan termasuk Setiausaha Kerajaan Negeri untuk membuat perakuan (certify) bahawa sesuatu dokumen atau maklumat itu adalah "rahsia" dan perakuan itu tidak boleh dipersoalkan lagi dalam mana-mana mahkamah. Peruntukan ini diadakan cuma untuk mengelakkan sebarang keraguan oleh kerana sekarang inipun mahkamah tidak berhak menyoalnya disebabkan semua dokumen atau maklumat Kerajaan adalah rahsia sehingga Kerajaan memberi izin bagi ianya dilepaskan. Dalam perkara ini juga, pegawai awam peringkat atasan sahaja diberi kuasa oleh kerana dalam membuat penentuan sama ada sesuatu dokumen itu patut atau tidak disahkan rahsia, ia juga terpaksa memikirkan sama ada dokumen itu patut dikelaskan semula (declassify).

Satu peruntukan baru dicadangkan dimasukkan yang mana memberi hak pembelaan kepada pegawai-pegawai awam, sekiranya dituduh, mereka tidak akan didapati bersalah jika apa-apa yang dilakukannya itu adalah di dalam masa menjalankan tugas rasmi atau telah mendapat kuasa untuk berbuat demikian. Dengan adanya peruntukan ini, pegawai-pegawai Kerajaan sepatutnya tidak lagi berasa kluatir atau ragu-ragu

dalam menjalankan tugas-tugas mereka dalam mana mereka akan lebih terdedah kepada masalah-masalah kebocoran rahsia Kerajaan.

Pindaan yang terakhir yang dicadangkan ialah berhubung dengan hukuman penjara mandatori bagi tempoh satu tahun. Undang-undang pernah meletakkan had hukuman paras maksima dan minimanya dan ini tidak menjejaskan konsep kehakiman mempunyai budibicara dalam menjatuhkan hukuman. Oleh kerana difikirkan pembocoran rahsia Kerajaan adalah satu kesalahan yang serius maka hukuman penjara mandatori selama setahun ini akan menjadi 'deterrent' dan berkesan. Hukuman-hukuman denda adalah difikirkan tidak sesuai kerana dalam kesalahan yang begitu serius itu denda itu walau bagaimanapun akan dibayar juga seperti yang telah berlaku dalam semua kes-kes dahulu. Oleh itu dengan adanya hukuman penjara mandatori itu adalah diharapkan ianya lebih lagi dapat mencegah kebocoran rahsia Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menekankan bahawa dalam sistem demokrasi berparlimen sepertimana yang kita anuti selama ini di Malaysia, adalah menjadi hak Parlimen untuk membuat undang-undang mengikut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan. Bersama dengan ini kita tidak mengenyahkan prinsip pengasingan kuasa (separation of powers) yang mana bermakna selain daripada wujudnya kedudukan dan kuasa Parlimen, juga terdapat dan diterima wujudnya kedudukan dan kuasa mahkamah atau kehakiman dan eksekutif, masing-masingnya mempunyai tanggungjawab dan tugas yang tersendiri. Matlamatnya ialah untuk mewujudkan satu keadaan yang stabil dengan mengecilkan ruang perbezaan dalam serba-serbi perkara dan masalah dan sebagainya agar rakyat menikmati kemakmuran dalam keadaan dan suasana yang sihat.

Dalam usaha-usahanya untuk menggubal sesuatu undang-undang di dalam konteks sistem politik di negara kita ini, Kerajaan tidak berniat sekali-kali untuk menghakisi sistem demokrasi yang kita telah cipta sejak mula kita merdeka. Kerajaan sentiasa memikirkan akan bagaimana atau cara mana untuk menjalankan pentadbiran dengan sebaik-baiknya mengikut kehendak keadaan semasa disebabkan pergolakan masyarakat yang sentiasa berterusan yang mana semestinyalah ianya akan mewujudkan pelbagai perubahan.

Dengan itu, cara mengawal keadaan terpaksa dikaji dari masa ke semasa. Dalam perkara Akta Rahsia Rasmi ini, oleh kerana ianya melibatkan pengawalan dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat yang ada di dalam tangan Kerajaan maka patut benarlah bagi Kerajaan sendiri untuk menentukan yang mana patut dirahsiakan dan yang mana tidak dan bagi selama mana sesuatu dokumen atau maklumat itu perlu dirahsiakan.

Ini adalah oleh kerana Kerajaan sahaja yang benar-benar tahu akan corak keadaan dan masalah yang dihadapinya pada sesuatu ketika. Kadangkala untuk mengambil sesuatu tindakan, misalnya untuk menenteramkan suasana, perlu bagi maklumat-maklumat yang mendesak bagi tindakan itu diambil terpaksa dirahsiakan. Jika tidak, suasana itu mungkin akan menjadi lebih pincang dan ianya tidak akan memberi manfaat kepada sesiapaupun. Kerajaan sahaja yang mempunyai kemampuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang menyeluruh dan sebab itulah, seperti yang saya katakan tadi, Kerajaan sahajalah yang sepatutnya berkuasa membuat penentuan sama ada sesuatu maklumat itu hendak dirahsiakan dan kuasa ini adalah terwujud selama mana undang-undang berhubung dengan Rahsia Rasmi telah diperkenalkan ke negara ini sejak sebelum merdeka lagi dan kuasa ini telahpun juga disahkan adanya oleh Mahkamah Tinggi di negara ini. Oleh kerana selama ini bukanlah bagi Mahkamah untuk mempersoalkan apa dia "Rahsia Rasmi", maka soal mengambil kuasa Mahkamah tidak berbangkit.

Apa yang telah dicadangkan dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan sekarang ini ialah untuk menjelaskan lagi apa dia "Rahsia Rasmi" dengan mengadakan takrif kepada perkataan itu. Dengan itu, Tuan Speaker, jelas menunjukkan bahawa tidak semua dokumen dan maklumat yang ada dalam tangan Kerajaan akan dirahsiakan dan oleh

itu bidang kuasa Kerajaan untuk mengelaskan (classify) adalah diperkecilkan. Sungguhpun telah diperakukan sebagai "rahsia" sesuatu maklumat itu, iaitu mengikut Seksyen 16A yang baru, Mahkamah tidak boleh mempersoalkannya, sebenarnya ini tidak berbeza daripada keadaan sekarang. Tujuan seksyen itu cuma untuk menjelaskan lagi keadaan supaya mana-mana pihak tidak tertanya-tanya lagi.

Begitu juga dari segi mengadakan hukuman mandatori. Dengan meletakkan paras minima hukuman penjara selama setahun itu bukan satu perkara yang baru atau yang luar biasa. Mahkamah masih mempunyai kuasa budibicara di antara paras minima ini dengan paras maksima sebagaimana yang diletakkan. Ini bukanlah mengambil kuasa Mahkamah, cuma menghadkannya oleh kerana difikirkan sesuai dan perlu diadakan.

Terdapat dalam beberapa undang-undang di negara kita berbagai rupa bentuk hukuman dan ini diadakan ialah selepas mengambil kira keadaan-keadaan dan masalah semoga matlamat untuk mengawal sesuatu itu tercapai. Ini adalah selaras dengan falsafah di mana sesuatu negara itu ditadbirkan mengikut Perlembagaan yang bertulis dengan memberi kuasa kepada Parlimen membuat undang-undang yang diluluskan oleh Ahli-ahli Dewan yang dipilih oleh rakyat sendiri melalui sistem pilihanraya yang demokratik. Dalam pada itu Kerajaan juga tidak mengenyahkan segala pandangan-pandangan dan buah fikiran yang bernas yang diluahkan dari masa ke semasa oleh sesiapaupun, malahan dalam menggubal Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi yang dibentangkan sekarang ini telah mengambil kira semuanya **itu**, mana yang difikirkan wajar.

Dalam melaksanakan tugas-tugasnya seperti **ini**, kepentingan masyarakat dan negara keseluruhannya hendaklah diberi pertimbangan dan bukan kepentingan individu-individu atau badan-badan tertentu

dengan harapan rakyat dan negara mendapat manfaat bukan untuk sesuatu ketika bahkan untuk sepanjang masa mengikut keadaan. Kita pernah mengadakan hukuman mati mandatori dalam undang-undang seperti ISA, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) dan Akta Dadah Merbahaya. Pernah juga diletakkan hukuman mandatori seumur hidup seperti yang terdapat dalam undang-undang yang saya sebutkan tadi.

Di samping itu ada pula di antaranya, hukuman seumur hidup diberi makna selagi ada hayat si pesalah itu dan bagi yang lainnya, seumur hidup bermakna 20 tahun. Had minima penjara juga pernah diletakkan, di antaranya terdapat hukuman penjara bagi tempoh tidak kurang daripada 5 tahun sepertimana yang terdapat bagi kesalahan memiliki dadah merbahaya yang lebih daripada 5 gram beratnya. Hukuman sebatpun ada diletakkan had minimanya, seperti yang terdapat dalam Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) dan Akta Dadah Merbahaya yang mana tidak kurang 6 kali hukuman sebat ditetapkan. Kesemuanya ini menunjukkan bahawa undang-undang dibuat mengikut kehendak keadaan. Rakyat tidak perlu bimbang akan implikasi sesuatu undang-undang itu kerana ianya diperbuat selepas mengambil kira berbagai masalah mengikut semua pengukuran yang wajar dan adil dan di samping itu Kerajaan juga terus mengambil pandangan akan akibatnya dan membuat kajian dari masa ke semasa dan jika perlu, pindaan dibuat terhadap undang-undang yang telah diluluskan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu adalah mustahak bagi Akta Rahsia Rasmi, 1972 itu dipinda:-

- (1) untuk menjelaskan apa dia "Rahsia Rasmi" dengan memasukkan takrif kepada perkataan-perkataan itu;

- (2) dengan mengadakan takrif lebih tepat kepada perkataan "Rahsia Rasmi" bersama dengan kuasa Menteri untuk meminda Jadual seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang. Kuasa juga diberi kepada Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri dan pegawai-pegawai awam yang tertentu untuk mengelas semula atau declassify rahsia rasmi Kerajaan, Adalah diharapkan dengan pindaan ini orang ramai akan lebih terlindung daripada dituduh membocorkan rahsia Kerajaan dan kepentingan negara akan lebih terpelihara;
- (3) untuk menentukan bahawa sesuatu dokumen atau maklumat rasmi itu adalah benar-benar "Rahsia Rasmi" dengan mengadakan perakuan yang mana tidak boleh lagi dipersoalkan di dalam Mahkamah. Sebenarnya peruntukan ini tidak mengubah keadaan yang ada sekarang. Sekarang ini, sebagaimana juga yang telah diputuskan oleh sebuah Mahkamah, semua dokumen atau maklumat yang ada di tangan Kerajaan tidak boleh dilepaskan atau diberikan kepada orang awam melainkan dengan izin Kerajaan. Dalam lain perkataan, semuanya itu adalah "rahsia" melainkan ianya dilepaskan dengan kebenaran atau izin Kerajaan. Peruntukan baru ini cuma bertujuan untuk menjelaskan lagi bahawa cuma Kerajaan sahaja yang benar-benar mengetahui pada saat dan ketika mana sesuatu dokumen atau maklumat itu sepatutnya dijadikan rahsia. Dengan adanya peruntukan ini cuma

Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri bagi sesuatu Negeri dan pegawai-pegawai awam atasan yang tertentu sahaja yang diberi kuasa untuk membuat perakuan.

- (4) untuk menjelaskan lagi akan hak pegawai-pegawai awam sekiranya dituduh, peruntukan diadakan supaya mereka tidak lagi mempunyai perasaan takut-takut atau khuatir apabila mereka perlu melepaskan maklumat-maklumat yang ada di tangan mereka dalam menjalankan tugas rasmi mereka;
- (5) untuk memastikan supaya terdapat satu hukuman minima penjara bagi tempoh satu tahun untuk menunjukkan betapa serius dan beratnya kesalahan itu dan pesalah-pesalah yang didapati salah diberi hukuman yang setimpal; dan
- (6) penalti-penalti yang terdapat di Seksyen 11 dan 12 sekarang ini menentukan tempoh maksimumnya tidak lebih daripada 3 tahun dipenjara tidak mencukupi dan ini tidak akan dapat mencegah orang-orang daripada melakukan kesalahan-kesalahan itu. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya tempoh maksimum penalti bagi kedua-dua seksyen itu dinaikkan daripada 3 kepada 7 tahun.

Butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam huraian kepada Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan bahawa setiap undang-undang itu dibuat setelah pelbagai perkara dan masalah diambil kira semoga matlamatnya tercapai dengan tidak mengorbankan soal keadilan. Kerajaan akan memastikan bahawa Akta Rahsia Rasmi ini akan dikuatkuasakan dengan adil dan saksama. Jika mengikut OSA yang asal, setiap helai kertas Kerajaan adalah rahsia sama ada kertas itu dicap dengan perkataan rahsia ataupun tidak. Pindaan 1986 ini dipinda di mana hanya dokumen-dokumen yang tersebut di dalam jadual dan beberapa perkara lain yang dianggap rahsia sahaja yang akan diclassifykan sebagai rahsia. Perbezaan ini nyata menunjukkan akta ibu yang dahulu itu terlalu luas. Sepatutnya pengkritik-pengkritik hendaklah mengkritik akta ibu dan bukan pindaan yang dibentangkan ini. Walaupun Akta itu mempunyai makna yang begitu luas tetapi hanya 5 kes sahaja yang telah dibawa ke mahkamah selama ini. Ini adalah nyata menunjukkan bahawa Kerajaan benar-benar liberal dan lagi demokratik dalam tempoh semenjak akta ibu itu dilahirkan pada tahun 1972 demokrasi masih hidup dan tidak ada siapa yang mengatakan demokrasi telah mati. Oleh itu tuduhan pihak pengkritik yang mengatakan demokrasi akan mati dengan adanya pindaan ini adalah satu tuduhan yang karut semata-mata.

Barisan Nasional adalah satu-satunya parti yang akan mempertahankan pemerintahan berbentuk demokrasi di Malaysia. Dan demokrasi di Malaysia adalah satu-satunya demokrasi yang sebenar-benarnya tulen di antara beberapa buah negara yang mengamalkan demokrasi dalam dunia hari ini. Disebabkan peristiwa 13 Mei dalam 1969, Kerajaan MAGERAN (NOC) telah ditubuhkan bagi mentadbirkan negara kerana Parlimen telah digantung dan parti-parti politik telah dibekukan. Kerajaan MAGERAN (NOC) ini mendapat sambutan daripada rakyat dan

dan tidak ada seorang pun rakyat yang telah bersuara supaya NOC dibubarkan. Ini bermakna parti Perikatan pada waktu itu boleh meneruskan pemerintahan NOC beberapa lama lagi. Tetapi sebaliknya parti Perikatan sendiri mahukan NOC dibubarkan dan Parlimen di-sambung semula. Ini jelas sekali menunjukkan bahawa parti Perikatan dan sekarang ini Barisan Nasional bukannya sebuah parti yang gilakan kuasa, tetapi sebaliknya ia adalah sebuah parti yang menyanjung tinggi pemerintahan demokrasi [Tepuk].

Parti PAS terang-terang tidak bersetuju dengan demokrasi yang ada di Malaysia kerana kononnya demokrasi ini tiruan daripada negara Barat. Oleh itu hukumnya adalah haram. Tetapi apabila mereka dicabar untuk menunjukkan sistem lain untuk menggantikan demokrasi yang ada pada hari ini mereka membisu seribu bahasa sejak 30 tahun sehingga pada hari ini. Barisan Nasional menyedari sebarang undang-undang yang bercanggah dengan kemahuan majoriti rakyat akan membawa malapetaka kepada parti Barisan Nasional sendiri apabila menghadapi rakyat dalam setiap kali pilihanraya. Sudah pasti Barisan Nasional yakin Rang Undang-undng ini disokong oleh majoriti rakyat. Bantahan yang dibuat oleh Pembangkang dan disokong oleh kuncu-kuncunya adalah perkara biasa [Tepuk]. Dan mereka bebas berbuat demikian kerana demokrasi yang dikatakannya telah mati itu rupa-rupanya masih hidup dengan sihat dan mereka sedang menikmatinya dengan sepuas-puasnya [Tepuk].

Adalah juga menghairankan saya bahawa parti Pembangkang telah mencemuhkan Dewan Negara yang mulia ini tetapi sebaliknya pada hari ini mereka meminta supaya Dewan Negara menyokong mereka itu [Tepuk].

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menamatkan ucapan saya, saya percaya Ahli-ahli Dewan Negara yang arif yang mana ianya telah dipilih oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang juga dipilih oleh rakyat dan juga pemulihan daripada Yang di-Pertuan Agong adalah terdiri daripada Ahli-ahli yang berkebolehan, Ahli-ahli yang bertanggungjawab kepada negara, Ahli-ahli yang sama kebolehannya dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan mana-mana juga orang lain untuk meluluskan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat memberi ucapan, saya memaklumkan bahawa oleh kerana Rang Undang-undang ini adalah satu perkara yang sangat penting dan mungkin banyak di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak mengambil bahagian dalam perbahasan mengenainya, maka saya bersetuju supaya perbahasan atasnya boleh disambung hingga hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad.

4.06 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih atas keizinan Tuan Yang di-Pertua kepada saya sebagai salah seorang anggota Dewan ini untuk mengambil bahagian di dalam menyokong Akta Rahsia Rasmi [Pindaan] 1986 hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini bukan sahaja saya yang akan menyokongnya, bahkan sebahagian besar seluruh rakyat di negara ini [**Tepuk**].

Terbukti kebetulannya saya sebagai salah seorang Ketua Penerangan UMNO Malaysia yang mempunyai ahli seramai 1.36 juta orang daripada rakyat di Malaysia ini masing-masing melahirkan sokongan yang bulat kepada Akta ini. Sebab itu saya hendak ingatkan kepada Kerajaan yang mengemukakan Akta ini kepada Dewan ini bahawa Kerajaan jangan lagi ragu-ragu seperti yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan Akta ini tadi, mengingatkan rakyat agar jangan terasa wasangka dan bimbang dalam masalah Akta ini. Sebenarnya bukan rakyat yang bimbang kepada Akta ini, sebaliknya rakyat terasa bimbang kepada Kerajaan, andainya Kerajaan tidak sanggup untuk mewujudkan segala undang-undang dan Akta bagi kepentingan negara ini terutama untuk memelihara demokrasi yang diterima oleh seluruh rakyat di negara ini. Dan saya hendak mengingatkan Kerajaan, Kerajaan yang ada pada hari ini ialah Kerajaan yang dipilih oleh majoriti rakyat. Bukan dipilih oleh oleh 2, 3 kerat rakyat. Majoriti rakyat memilihnya dari 13 daripada parti-parti politik yang berada di negara kita ini bersama-sama dengan Kerajaan yang ada pada hari ini **[Tepuk]**.

Tuan Yang di-Pertua, memang rakyat mengalu-alukaa Akta ini kerana rakyat sedar tidak akan lahir pindaan Akta ini demi tidak kerana kepentingan mereka, tidak akan lahir Akta ini kalau tidak demi kepentingan negara ini. Dikecualikan Akta ini ditentang oleh beberapa Akta manusia, manusia-manusia yang tidak mengenali diri sendiri, manusia-manusia yang gilakan kuasa, manusia-manusia yang berniat jahat kepada demokrasi, manusia-manusia dengan kata lain ingin membunuh demokrasi yang diamalkan di negara kita ini **[Tepuk]**.

Memang saya ikut menghargai sikap Kerajaan sebagai yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekejap tadi. Kerajaan telah mengambilkira dengan segala aspek, segala pandangan yang diberi oleh semua golongan rakyat ini, tetapi saya ingin mengambil kesempatan pula mengingatkan Kerajaan, sungguhpun demikian, Kerajaan jangan lupa pendapat atau pengesyoran yang lahir daripada yang majoriti mestilah diutamakan dan mestilah dipakaikan, jangan pendapat hanya beberapa kerat kepala manusia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh lagi di dalam masalah Akta **ini**, sesungguhnya diketahui umum ada beberapa golongan-golongan yang menentang Akta ini sehingga melakukan himpunan-himpunan dan untuk menunjukkan kekuatannya melahirkan tandatangan-tandatangan, kononnya daripada beberapa belas ribu dan puluh ribu orang.

Saya hendak ingatkan Kerajaan, kami yang menyokong Akta ini bukan sahaja mampu melahirkan tandatangan sekadar beberapa belas ribu, satu daripada 13 parti daripada UMNO sahaja, bila-bila masa, saya mampu untuk melahirkan 1.36 juta tandatangan untuk menyokong Akta ini. **[Tepuk]**

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, kerana negara kita ini sungguh-sungguh mengamalkan dasar demokrasi dan sikap Kerajaan yang begitu liberal sehingga memberi kesempatan kepada golongan-golongan tertentu mengambil kesempatan, sehingga ada golongan-golongan yang terdiri daripada beberapa kerat manusia, hendak melahirkan kononnya dialah yang paling berkuasa, kononnya dialah satu badan yang paling besar, apatah lagi ada manusia yang menganggap dialah orang yang paling pintar.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka melahirkan satu penjelasan istilah bahasa di dalam Dewan ini, dengan izin, iaitu perkataan 'gila' Mengapa seseorang itu ditafsirkan 'gila'? Kerana ianya berbeza daripada orang yang ramai. Ada orang gila yang terasa dia lebih pandai daripada orang lain, tetapi sayangnya dia adalah gila. Jika orang gila mengakui dia pintar, dia kuat, dia berkuasa, Kerajaan jangan lupa pengakuan seperti ini ialah perakuan daripada orang yang gila dan kalau pendapat daripada golongan ini diambil kira alamat kecewalah pengharapan rakyat kepada Kerajaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang di dalam negara kita ini ada badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang mengambil bahagian di dalam membincangkan soal Akta ini. Sayangnya mereka ini hanyalah mampu memperbincangkan di tepi jalan, tetapi mereka tidak sanggup untuk mempertaruhkan diri dan kuasa badannya sendiri untuk diwakilkan di dalam Dewan yang berdaulat dan mulia, sama ada di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara ini, kononnya mereka ihi lebih daripada apa yang ada di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara.

Saya ingatkan kepada Kerajaan lagi sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai konsep demokrasi yang diamali di negara kita ini. Konsep demokrasi yang diamalkan di negara kita ini hendaklah terus dipelihara oleh pihak Kerajaan, kerana inilah amanah yang diberikan oleh rakyat dan saya hendak ingatkan kepada Kerajaan bahawa golongan-golongan yang menentang demokrasi, yang menentang keputusan majoriti, inilah golongan-golongan petualang-petualang yang hendak menghancurkan demokrasi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh lagi di dalam Akta pindaan ini, ada orang kata Ahli-ahli Dewan Negara ini cuma sekadar 'rubber

stamp' sahaja. Kalau ikut hati saya, saya terasa hari ini juga saya hendak pinda lagi Akta ini dan kalau boleh hendak dikembalikan semula, tetapi oleh kerana kesanggupan yang telah diberi oleh Kerajaan kita, walaupun Akta ini mengikut hemat saya tidak begitu kuat dan sepatutnya lebih diperketatkan lagi demi kepentingan negara dan bangsa di negara ini. Sungguhpun demikian, kerana Kerajaan sudah memberi kesanggupan, walaupun sekadar ini diberi, Kerajaan sudah sanggup untuk menjaga kestabilan negara ini dan bagi menjamin kebaikan negara ini.

Saya rasa Akta ini tidak perlu lagi dipinda pada hari ini, apatah lagi saya faham bahawa Akta-akta seperti ini boleh dikemukakan bila-bila masa sahaja pindaannya. Sungguhpun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya kira perlu diingatkan bahawasanya Akta-akta yang seperti ini bahkan lebih ketat daripada ini penting bagi menjamin kedudukan negara ini dan ini sangat dikehendaki oleh rakyat dan jangan kira berapa kerat yang hendak merosakkan negara ini. Sebab itu saya mengambil kesempatan ini bagi mengingatkan Kerajaan bukan sahaja mendengar pandangan-pandangan sumbang mereka perlu dikaji, perlu disiasat, apakah berada di sebalik mereka ini, apakah mereka ini mungkin telah dipergunakan oleh anasir-anasir yang tertentu, sama ada musuh di dalam negeri atau musuh di luar negeri atau golongan-golongan yang hendak menghancurkan negara ini. Mungkin barangkali mereka telah dipergunakan sebagai boneka bagi menghancurkan negara ini, mereka mengambil kesempatan melalui demokrasi di negara ini dan mengambil alasan di dalam soal Akta ini untuk diperheboh-hebohkan agar negara ini bangkit huru-hara dan apakala negara ini berbangkit huru-hara, maka demokrasi akan di-gantung dan demokrasi akan dimusnahkan.

Saya harap bagi pihak Kerajaan, teguran saya ini jangan sebagai mencurahkan air ke atas daun keladi, mereka yang telah mengambil tindakan sumbang ini perlu dianalisa, kemudian, kononnya peranan-peranan yang dimainkan oleh mereka, kenapa dan mengapa sehingga demikian rupanya.

Saya merasa anih dan hairan, mereka yang mengambil kesempatan melalui demokrasi, tetapi tidak mahu menghormati keputusan demokrasi, tidak mahu menghormati keputusan majoriti, tidak mahu mengakui keputusan ramai, keputusan rakyat, sebaliknya mereka masih bertegas dan menegakkan pandangan-pandangan peribadi mereka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang menjaja badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan melalui cakap-cakap dan massmedia, kononnya dicetak di dalam massmedia dan di dalam kertas-kertas sehingga pertubuhan-pertubuhan dijaja, umpamanya seperti N.U.J. ataupun ALIRAN dan sebagainya sehingga menggambarkan seolah-olah keseluruhan bahawasanya ini sahajalah badan-badan yang besar.

Saya mengakui wujudnya pertubuhan-pertubuhan ini, saya menghormati adanya pertubuhan-pertubuhan ini, tetapi pandangan-pandangan pertubuhan ini bukan bererti kesemuanya mesti diterima oleh pihak Kerajaan, bukan bererti apa yang diperkatakan oleh golongan-golongan ini adalah suara daripada seluruh rakyat kerana rakyat telah menunjukkan bukti bahawa suara-suara mereka berada melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negeri dan apa yang diputuskan oleh Dewan Rakyat itulah yang diputuskan oleh rakyat di negara ini, walaupun ada beberapa kerat yang tidak senang dengan keputusan ini. **[Tepuk]**

Sayangnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sedar rakan-rakan saya begitu ramai hendak bercakap, cuma saya sentuh sedikit sahaja lagi di dalam masalah menyokong Akta ini. Kita tentu tidak mahu negara kita ini mengalami seperti setengah-tengah negara yang tidak berwaspada dengan rahsia-rahsia mereka. Seperti apa yang pernah berlaku di Sudan, seperti apa yang pernah berlaku di Egypt, perkara yang harus dirahsiakan tetapi tidak diwaspadakan sehingga dengan sekelip mata sahaja negeri itu hampir musnah dan hancur setidaknya tidaknya maruah mereka sudah mula tercemar. Sebab itulah Akta Rahsia ini disokong oleh semua golongan rakyat, apatah lagi wakil-wakil yang diwakili oleh rakyat dalam negara ini.

Saya menyokong Akta ini, tambah pula, Tuan Yang di-Pertua, mana manusia yang dapat mengelakkan diri daripada rahsia. Saya sudah pun senantiasa berada dalam rahsia. Orang yang menentang Akta Rahsia inipun hidup di dalam rahsia. Makluk hidup di dalam rahsia, melainkan makhluk haiwan seperti kambing, lembu, kerbau sahaja yang tidak hidup di dalam rahsia. Kita ini kalau tidak hidup dalam rahsia, Tuan Yang di-Pertua, hendak datang ke Dewan ini pun tidak pernah tepat waktu. Kalau sudah sepanjang-panjang Dewan ini orang tidak berahsia, barangkali kita semua datang perlahan sahaja, jalan pun barangkali jem. Bahkan di rumah pun, Tuan Yang di-Pertua, kita rahsia.

Dalam soal-soal Akta Rahsia, saya dalam keluarga walaupun di rumah saya juga mengamalkan demokrasi, ada perkara-perkara rahsia saya, Tuan Yang di-Pertua, anak saya pun saya tidak bagi tahu. Orang yang bercakap menentang Akta Rahsia ini pun, dia sendiri mempertahankan rahsia walaupun kita tahu rahsia ini akhirnya diketahui umum, setidaknya tidaknya diketahui oleh doktor dan bidan [Ketawa] tetapi berahsia juga, kerana rahsia adalah lumrah kepada

setiap makhluk insan.

Saya ulangi, melainkan kerbau, lembu dia tidak berahsia, dia berasa hendak buat apa pun dia tidak rahsia. Macamlah kijang yang ada di sebelah Dewan kita ini, tengah orang bersidang, tengah orang-orang ramai di kantin pun tidak ada rahsia, dia berasa hendak buat dia buat sahaja dan saya berharap bukan begitu rupa.

Kita sebagai makhluk Allah, tambah-tambah lagi saya sebagai seorang Islam yang mengakui kebenaran dan perintah Tuhan bahawa kita manusia ini diutus Allah di dunia ini adalah sebagai Khalifah untuk menjadi pemerintah bagi menyempurnakan negara dan dunia ini supaya sentiasa dapat dinikmati oleh semua manusia.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan menyokong Akta ini sepenuhnya dan melalui Dewan yang mulia ini saya hendak nyatakan kepada Kerajaan bahawa saya telah dimaklumi oleh 1,360,000 ahli-ahli UMNO berdiri teguh dan menyokong Akta ini. Terima kasih. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban.

424 ptg.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Akta yang kita bincangkan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, minat rakyat terhadap Akta ini telalu sangat besar, bukan sekadar di Semenanjung Malaysia ini di mana rakyatnya walau di kedai-kedai kopi pun sudah pandai berpolitik berkenaan dengan Akta ini, tetapi seminggu yang lepas saya berkesempatan minum kopi di warung di satu pekan bernama Telupit di tengah-tengah Sabah ada beberapa orang yang duduk di tepi saya sudah pandai

berbicara tentang pro dan kontra ARR **ini**, Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan itu, saya berpendapat Akta ini sudah diketahui umum, hampir sama popularnya dengan BMF scandal. Sebab itu, saya bersetuju sekali pendapat, Tuan Yang di-Pertua, untuk melanjutkan perbahasan ini sehingga esok.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat minat rakyat ini tertarik oleh sebab banyaknya hujah-hujah melalui akhbar-akhbar, seminar-seminar yang telah dibuat oleh beberapa pihak tertentu termasuk pihak Kerajaan dan juga pihak mass media yang ada di Malaysia ini. Saya berpendapat untuk membincangkan soal ARR ini. Tuan Yang di-Pertua, ada tiga perkara pokok yang seharusnya dimengertikan. Pertama, seperti yang terkandung dalam pindaan Akta ini di mana saya rasa semua Ahli Dewan ini sudah pun membaca secara terperinci, lepas itu kita harus mengetahui hujah-hujah yang dibuat oleh pihak Kerajaan yang mengemukakan Akta ini dalam Dewan dan saya rasa sebagai sebuah negara demokrasi pendapat-pendapat yang dikatakan oleh saudara di sana tadi pendapat minoriti harus juga diambil berat kerana dalam demokrasi bukan sahaja majoriti ini seharusnya dipelihara kepentingannya, minoriti juga terpaksa kita accomodate, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi pihak Kerajaan kita telah membaca hujah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan ARR ini dahulu di Dewan Rakyat dan di sini hanya sedikit saya baca apa yang dilaporkan dalam sebuah majalah dalam bahasa Inggeris, saya bacakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

...Defending the legislation in a stormy debate; Prime Minister Mahathir asserted that fines were meaningless when set against huge financial rewards from leaking official secrets."

Itulah di antara sebab yang telah dikemukakan oleh Kerajaan mengapa harus diadakan Official Secrets Act ini.

Di dalam beberapa keratan akhbar, saya pernah terbaca juga di mana kebanyakan daripada pemimpin-pemimpin kita mengatakan Official Secrets Act ini perlu. Mana-mana negara juga dalam-dunia mesti ada Official Secrets Actnya. Dan yang paling baik sekali iaitulah jaminan daripada pihak Kerajaan bahawasanya tidak akan disalahgunakan Akta ini di masa-masa akan datang, termasuk baharu sebentar tadi jaminan ini dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, mudah-mudahan ini akan terjamin.

Lepas itu kita lihat pula pendapat-pendapat orang yang tidak senang hati berkenaan dengan Akta ini. Rata-rata saya merumuskan dalam tiga kategori kecurigaan mereka **ini**. Yang pertama, mereka mengatakan Akta ini akan mengambil kuasa Kehakiman. Yang kedua, kata mereka Akta ini akan digunakan menutup segala bentuk rasuah yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Yang ketiga, ARR juga membawa implikasi membunuh hak rakyat untuk mendapat maklumat seperti yang disarankan oleh risalah ini, yang ditulis oleh Association of Women Lawyers, Malaysia. Yang keempat, ARR tentu sekali kata mereka menyulitkan tugas-tugas pihak media dan pemimpin-pemimpin pertubuhan di negara ini untuk membuat teguran-teguran membina tentang apa juga pergolakan negara ini, takut-takut itu perkara nanti rahsia kata mereka. Inilah di antara empat kategori perkara yang menjadi masalah kepada pertubuhan-pertubuhan yang saya sebutkan tadi.

Dan akhir sekali pada 18hb Disember, pagi tadi saya terbaca di-ruangan Editorial Utusan Malaysia ini, ada mengatakan iaitu kecurigaannya tentang adanya pegawai-pegawai Kerajaan yang sanggup berseleluh di belakang ARR kerana tidak suka memberi maklumat kepada umum. Dan dalam akhbar yang sama juga pagi tadi seorang tokoh Pembangkang daripada Terengganu ada mengatakan iaitu Akta ini akan memberi perlindungan kepada pegawai-pegawai yang suka mengamalkan rasuah dan menurut beliau perkara ini adalah haram dalam Islam.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya mengemukakan pendapat kedua-dua pihak ini ialah sebagai peringatan kepada pihak yang berkuasa supaya benar-benar sekurang-kurangnya sesudah Akta ini diluluskan nanti, tidak ada penyalahgunaan kuasa dilakukan oleh Kerajaan. Kita tahu Kerajaan yang ada sekarang ini baru sahaja mendapat mandatnya kira-kira enam bulan yang lalu. Mandat yang begitu besar lebih daripada 2/3, tetapi kita harapkan mandat Kerajaan itu janganlah disia-siakan dengan cuba menyalahgunakan Akta Rahsia Rasmi ini. Kalau mereka mensia-siakan di satu masa nanti rakyat akan membuat perhitungan seperti yang kita ketahui sekurang-kurangnya lima tahun sekali melalui peti-peti undi.

Saya berpendapat Akta dan Undang-undang itu baik atau buruk terletak di tangan mereka yang menggunakannya. Akta walau baik sekalipun jika ianya di tangan seorang diktator, nescaya Akta itu akan disalahgunakan oleh orang-orang yang diktator, tetapi walau Akta itu tidak baik, kalau ianya diletakkan di tangan seorang yang bijaksana, rakyat pasti akan mendapat keadilan.

Dengan itu thema ucapan saya ini ialah merupakan sebuah peringatan kepada Kerajaan supaya mandat yang begitu besar, kita tidak akan sia-siakan dengan menyalahgunakan Akta ini. Dengan itu, saya menyokong pindaan Akta ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. K.S. Nijhar.

4.32 ptg.

Dato' Dr. K.S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan hormatnya meminta kebenaran bercakap mengenai suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi tahun 1972, Saya menyokong dengan penuh Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini telah menyebabkan kontroversi di dalam Dewan Rakyat dan juga di beberapa forum-forum awam di negara ini dan juga melalui mass-media. Kontroversi-kontroversi ini merangkumi tiga seksyen utama iaitu Seksyen 3, 6 dan 8.

Tuan Yang di-Pertua, maksud Seksyen 3 secara ringkas membolehkan seseorang Menteri menambah, memotong ataupun meminda dokumen-dokumen ataupun rekod-rekod yang kini dianggap sebagai dokumen-dokumen rahsia atau sulit.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 6, maksudkan perakuan oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau pegawai awam yang dilantik oleh Menteri berkenaan untuk menjadi keterangan yang konklusif di dalam sesebuah mahkamah. Seksyen 8 dengan ringkas memindahkan beberapa syarat-syarat hukuman dalam Akta itu dan memotong semua denda dan digantikan dengan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di permukaannya tiada sebarang yang salah atau unik bagi ketiga-tiga seksyen tersebut. Kuasa-kuasa kebebasan bertindak oleh seseorang Menteri mengenai berbagai-bagai perkara telahpun diwujudkan dengan lain-lain Akta yang dikuatkuasakan oleh Parlimen **ini**. Begitu juga dengan berbagai-bagai Sijil sebagai bukti. konklusif dalam perkara lain-lain. Dan begitu juga dengan hukuman penjara wajib atau hukuman mati untuk jenayah-jenayah yang lebih serius. Walau bagaimanapun, pada kali ini kontroversi-kontroversi yang dibangkitkan oleh pindaan-pindaan tersebut telah menjadi isu-isu panas dan telah mencemaskan ramai penduduk-penduduk kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting untuk memahamkan apa yang menyebabkan kontroversi-kontroversi pindaan tersebut. Sudah tentulah beberapa pihak Pembangkang akan membantah apa juga yang dilakukan oleh pihak Kerajaan seperti Pembangkang pihak DAP dan PAS. Ada juga mereka yang membantah dengan hujah-hujah akademik oleh kerana pindaan tersebut melanggar hak-hak asasi individu. Ada juga mereka yang tidak tahan pihak eksekutif melanggar hak-hak para hakim ataupun Majlis Undangan menyerahkan hak-haknya kepada pihak eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga mereka yang membantah pindaan tersebut oleh kerana mereka percaya hukuman dengan penjara wajib selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun adalah terlalu kejam dan ini harus dikurangkan ataupun pihak para hakim yang diberi kebebasan untuk bertindak mengikut budi bicara mereka. Beberapa orang dari mereka yang membangkang tidak jujur tetapi tidak boleh dinafikan ada juga mereka yang jujur.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pandangan-pandangan mereka yang jujur walaupun berbunyi kritikan diberi pertimbangan yang patut pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kritikan-kritikan yang jujur ini? Pertamanya, memang pindaan-pindaan baru ini dikemukakan pada suatu masa yang tidak sesuai. Baru-baru ini beberapa scandalous disclosures, dengan izin, mengenai BMF, Maminta dan lain-lain telah berlaku. Akibatnya pindaan tersebut membawa satu kesan pada masa ini iaitu pihak Kerajaan takut bahawa lain-lain scandalous disclosures, dengan izin, boleh timbul dan pindaan tersebut bertujuan menyembunyikan peristiwa-peristiwa yang buruk itu.

Tuan Yang di-Pertua, masa mengemukakan pindaan-pindaan baru ini tidak sesuai oleh kerana diperkatakan bahawa pindaan tersebut direka, to close the Pandora's box, dengan izin, yang akan dibuka pada awal tahun depan apabila perjuangan pilihan parti UMNO bermula.

Keduanya, ini adalah satu soal kesetiaan, ini ialah satu soal salahgunaan dalam memproses mengimplementasikannya. Sekiranya terdapat kejujuran dalam perkara ini tidak perlu merasa kluatir lagi dalam pelaksanaannya. Nampaknya terdapat satu keadaan di mana semakin lama semakin kurang kepercayaan kepada jentera Kerajaan untuk melaksanakan sesuatu dengan berkesan atau adil. Akibatnya pindaan kepada Akta tersebut tidak dipercayai oleh beberapa pihak dan menimbulkan perasaan takut.

Tuan Yang di-Pertua, ketiganya dan akhir sekali satu kritikan utama berhubung dengan beberapa kelemahan yang terdapat dalam syarat-syarat berkenaan dengan defence, dengan izin, Seksyen 5(d) dan Seksyen 7 bagi seseorang yang dituduh di bawah Akta tersebut.

Ada orang yang berhajat baik yang benar-benar percaya sekiranya sesuatu rahsia dikemukakan untuk kepentingan negara, tindakan ini harus diterima sebagai pembelaannya.

Selanjutnya maksud "kepentingan negara" harus dibicarakan oleh pihak mahkamah berdasarkan kepada faktor dan bakti bagi kes masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kritikan tersebut di atas mungkin susah untuk diterima oleh kami di pihak Kerajaan, tetapi ianya wujud di fikiran orang ramai di dalam negara ini dan kita haruslah membuat sesuatu mengenainya. Saya mengesyorkan seperti berikut:

- (1) Satu program penerangan berbentuk perhubungan awam yang efektif haruslah dijalankan dengan segera supaya dapat membatalkan salah anggapan orang ramai iaitu pindaan tersebut akan menyembunyikan scandals, dengan izin. Bukalah sebarang apa yang patut dibuka dengan sepenuhnya dan secara terus terang supaya, dengan izin, trust will beget trust, distrust will beget distrust. Kalau tidak pindaan-pindaan yang dicadangkan mungkin akan berjaya menggiatkan satu objektif, tetapi melangnya akan menambahkan lagi khabar-khabar angin dan kesan yang negatif.
- (2) Satu post-mortem mestilah dijalankan dengan segera untuk bidang-bidang yang kurang dipercayai oleh orang ramai dan bidang-bidang yang kurang cekap pelaksanaannya dan langkah-langkah mesti diambil untuk menjamin bahawa pindaan tersebut akan dilaksanakan dengan adil demi kepentingan negara dan tidak untuk melindungi pegawai-pegawai yang berpangkat tinggi dalam aktiviti-aktiviti yang buruk atau tidak cekap.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya sekali lagi menyokong dengan penuh Akta tersebut dan saya sangat berharap pemimpin-pemimpin negara khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini akan menerima cadangan-cadangan saya, dengan lain, in good faith, Sekianlah sahaja, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Bee Yang Sek.

4.43 ptg.

Tuan Bee Tang Sek: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 dan ingin mengucapkan sedikit pandangan-pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 yang ditarik balik baru-baru ini terdapat dua perkara utama yang dikritik oleh orang ramai. Pertama ialah berkenaan dengan definasi "Rahsia Rasmi" yang terlampau luas ertinya. Kedua ialah berkenaan dengan hukuman penjara mandatori setahun yang merupakan satu hukuman yang terlalu berat yang telah menjejaskan dan mengeneipkan kuasa pertimbangan mahkamah dalam menjatuhkan sesuatu hukuman.

Saya ingin berucap berkenaan kritik yang pertama dahulu. Apabila kita menyatakan definasi Rahsia Rasmi itu terlalu luas ertinya, maka pada masa yang sama kita perlu bertanya apakah definasi Rahsia Rasmi yang sedia ada.

Undang-undang yang sedia ada hari ini mengandungi Akta Rahsia Rasmi 1972 yang berdasarkan Akta Rahsia Rasmi British 1911.

Tuan Yang di-Pertua, semasa memberi interpretasi undang-undang tersebut dalam kes P.P. (Kerajaan) lwn. Lim Kit Siang, 1979, Mahkamah Tinggi telah menunjukkan bahawa Akta 1972 di mana saya menyebut adalah berdasarkan Akta British; dengan izin, "Whoever handles the information belonging to the Government without the Government's permission is unauthorised and in that respect, it becomes secret information".

Mahkamah Tinggi juga menyatakan bahawa, dengan izin: "The main offence....is the unauthorised communication of official information including documents by official Crown servant. It catches all official documents and information. A blanket is thrown over everything, nothing escapes."

Oleh itu, undang-undang yang sedia ada telah meliputi semua dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat Kerajaan dan tidak terhad dijadikan rahsia. Bil yang ditarik balik telah menghadkan Rahsia Rasmi kepada 7 perkara utama meliputi dokumen berkenaan dengan ekonomi negara, tender, dokumen bersangkutan dengan pendapat, nasihat atau hal perundingan ke atas operasi dan fungsi Kerajaan.

Perkara-perkara di atas telah diketepikan oleh mereka yang menentang Bil tersebut di mana Bil yang ditarik balik itu lebih liberal dari undang-undang yang sedia ada berkenaan dengan definisi Rahsia Rasmi.

Tanpa mengekalkan perkara di atas, Kerajaan adalah peka terhadap pandangan orang rasmi di mana dalam pindaan terbaru ini, jenis-jenis maklumat yang dijadualkan sebagai Rahsia Rasmi dikurangkan dari 7 perkara kepada 3 sahaja, di mana 4 perkara seperti yang tersebut di atas telah ditarik balik dan meninggalkan makluman

berkenaan dengan surat, rekod keputusan dan pertimbangan Jemaah Menteri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan surat mengenai keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa.

Saya tidak memikirkan ada lagi orang yang waras akan membantah dokumen-dokumen penting ini dimasukkan dalam perlindungan Rahsia Rasmi. Ucapan tahniah perlu dibuat kepada Kerajaan atas kepekaan dan timbangrasa terhadap pandangan orang ramai. Pada hakikatnya, definisi Rahsia Rasmi kini telah menjadi lebih liberal dari definisi Rahsia Rasmi British.

Walau bagaimanapun, saya ingin membuat sedikit sebanyak ulasan saya terhadap kuasa berlebihan yang diberi kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri di dalam Seksyen 2A di mana beliau boleh menambah atau meminda satu-satu provisi di dalam Jadual tersebut.

Saya ingin menyeru Menteri tersebut mengambil pandangan-pandangan yang dibuat oleh rakyat dan hanya menjalankan kuasanya untuk meminda Jadual dalam keadaan yang mendesak dan sangat-sangat memerlukan pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, berkaitan dengan hukuman penjara mandatori satu tahun. Kritik yang utama dibuat ialah kerana kelulusan Bil ini akan menjejaskan kewibawaan kuasa Mahkamah dalam menjatuhkan hukuman ke atas seorang yang didapati bersalah melanggar Akta ini. Kritik ini gagal memahami prinsip-prinsip perpisahan kuasa di antara Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman.

Secara singkat, kuasa Perundangan iaitu Parlimen ialah Majlis atau badan yang menggubal undang-undang dan meluluskan undang-undang negara, Eksekutif melaksanakan undang-undang dan Kehakiman pula ialah para Hakim yang mengintrepretasikan undang-undang ini ke atas tuntutan-tuntutan kes yang dihadapkan ke Mahkamah. Parlimen kita seperti di Britain adalah sebuah badan tertinggi di negara kita. Undang-undang yang diluluskan tidak ada hadnya, selagi kita tidak melanggar Perlembagaan Negara.

Sebagai contoh, kuasa yang terdapat di Parlimen British adalah begitu luas di mana ia boleh meluluskan undang-undang yang menyatakan semua lelaki dipanggil perempuan dan semua perempuan dipanggil lelaki, jikalau Parlimen ingin membuat demikian. Bidang kuasa ini merangkumi kuasa menentukan sifat dan jenis serta jangkamasa hukuman yang boleh dijatuhkan oleh pihak Kehakiman. Bidang kuasa ini telah diperakui dalam kes-kes yang melibatkan dadah, di mana hukuman mati mandatori dijatuhkan oleh Mahkamah.

Ada kritik menyatakan hukuman penjara mandatori satu tahun terlalu berat. Soal ini perlu dilihat dari perspektif yang baru, di

mana pindaan Bil baru ini telah menghadkan definasi Rahsia Rasmi. Sesiapa yang terlibat dalam menerima atau menyampaikan Rahsia Rasmi atau dokumen berkaitan dengan Kabinet, Exco Negeri, keselamatan, tahanan dan perhubungan antarabangsa perlu menghadapi hukuman penjara kerana ianya merupakan satu kesalahan yang terlalu berat.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kedudukan Ahli-ahli Parlimen yang bercakap terhadap Rahsia Rasmi dalam Parlimen? Adakah kami diperlindungi?

Dalam kes **P.P.** lawan Lim Kit Siang, Mahkamah Persekutuan telah menunjukkan bahawa kami sebenarnya telah diperlindungi oleh, dengan izin, 'Houses of Parliament' (Privileges and Powers) Ordinance of 1972, dan lebih mustahak oleh Artikal 63(2) dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan seperti berikut; dengan izin,

"No person shall be liable to any proceedings in any court in respect of anything said or any vote given by him when taking part in any proceedings of either House of Parliament or any Committee thereof."

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai mesti dijamin bahawa kuasa-kuasa Rang Undang-undang ini dan pindaan-pindaan baru hanya digunakan dalam kes-kes yang serius. Dalam hubungan ini saya ingin memberi tahu bahawa sejauh yang saya ketahui, dalam tempoh 14 tahun bila Akta Rahsia Rasmi telah digubalkan, hanya 5 dakwaan telah dibuat. Sebabnya ialah perlindungan adalah diberi oleh Seksi 15, Akta Rahsia Rasmi 1972 yang menyatakan hanya selepas mendapat persetujuan Peguam Negara baharulah boleh membuat dakwaan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya percaya bahawa asalkan Barisan Nasional menjadi Kerajaan negara **ini**, orang ramai yang tidak bersalah dan hanya membuat kesalahan kecil tidak lagi akan didakwa. Tindakan yang diambil oleh Peguam Negara dalam kes **P.P.** lawan Lim Kit Siang, jelas menunjukkan kejujuran Kerajaan. Lim Kit Siang telah menerima maklumat-maklumat rahsia Angkatan Laut dan seterusnya menyebarkan rahsia-rahsia ini melalui penerbitan-penerbitan *Far Eastern Economic Review* dan *Rocket*, serta dalam satu ucapannya kepada Persatuan Graduan Selangor.

Mahkamah Persekutuan dalam kes itu menyatakan adalah lebih jelas bahawa oleh kerana tertuduh itu tersangat ingin menjaga imej partinya atau imejnya sendiri, maka telah berlainlah dengan apa yang beliau mengakui dalam soal-balas, beliau telah lebih mementingkan kepentingan sendiri dari kepentingan negara.

Sebagai bandingan, Tan Sri Tan Chee Koon juga menerima dokumen-dokumen rahsia yang sama, tetapi beliau telah menghantarkan dokumen-dokumen itu kepada Perdana Menteri dan menyimpan salinan-salinan itu sahaja. Beliau tidak menyebarkan maklumat itu. Tidaklah ada apa-apa dakwaan yang diambil terhadap beliau.

Tuan Yang di-Pertua, adalah ternampak orang ramai sangat berminat kepada Rang Undang-undang Rahsia Rasmi itu dan banyak perbahasan telah dibuat. Ini menunjukkan bahawa sistem demokrasi sihat dan berfungsi dengan licin dalam negara kita. Saya patut mengucap tahniah kepada semua badan dan orang perseorangan yang telah memberi ulasan dan pandangan yang membina serta menghantar memorandam kepada Kerajaan. Badan-badan itu termasuk Bar Council, ahli-ahli NUJ dan parti-parti komponen Barisan Nasional, termasuk parti MCA.

Perkembangan sistem demokrasi berparlimen kita banyak bergantung kepada kebolehan dan pandangan bijak dan membina rakyat kita. Sementara itu pemeliharaan dan perkembangan sistem Parlimen juga bergantung terhadap reaksi kepekaan Kerajaan yang boleh menerima pendapat rakyat dan juga cukup tegas dan kuat supaya ianya boleh memelihara satu keseimbangan antara kehendak-kehendak negara dan hak-hak warganegaranya.

Dalam hubungan ini, kami patut memberi kepujian tinggi kepada Perdana Menteri dan Kerajaan atas kemampuan dan kebijaksanaan untuk membuat satu keseimbangan yang telah ditunjukkan dalam Rang Undang-undang (Pindaan) yang dibahas dihari ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh dipersilakan.

5.05 ptg.

Tuan Paramjit Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagia dan menyokong Rang Undang-undang berhubung dengan pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi. Pindaan-pindaan ini telah membawa banyak perbalahan di dalam negara ini dan pelbagai pertubuhan politik dan bukan politik telah dengan kuatnya membangkang pindaan itu.

Secara ringkas, pembangkangan kepada Rang Undang-undang itu berasaskan kepada dua perkara. Pertamanya, Rang Undang-undang itu dikatakan memberikan kuasa mutlak kepada beberapa orang dan pegawai untuk mengisytiharkan perkara-perkara tertentu sebagai rahsia rasmi. Keduanya, diperkatakan bahawa hukuman mandatory minima satu tahun adalah terlalu berat dan seterusnya ianya mengambil kuasa kehakiman oleh kerana hakim-hakim tidak budibicara, tetapi terpaksa menjatuhkan hukuman minima satu tahun apabila seseorang itu didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, hampir setiap negara di dalam dunia ini mempunyai Akta Rahsia Rasmi. Tujuan penting Akta tersebut adalah untuk melindungi rahsia-rahsia negeri dan rahsia-rahsia berhubung dengan keselamatan dan pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan bahawa tiada manusia berfikiran waras boleh menyoal bahawa undang-undang sedemikian tidak perlu di dalam negara ini. Walau bagaimanapun, pihak pembangkang kepada Rang Undang-undang menyoal bahawa pindaan ini akan memberikan beberapa orang dan pegawai Kerajaan untuk mengisytiharkan sesuatu perkara itu sebagai rahsia rasmi, yang sebenarnya tidak. Orang-orang ini berhujah bahawa Kerajaan akan menyalahgunakan kuasa-kuasa

untuk menutup dan sembunyikan rasuah di dalam Kerajaan dan agensi-agensinya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan negara ini adalah Kerajaan pilihan dan terpaksa menemui rakyat untuk mendapatkan sokongan rakyat setiap 5 tahun. Jikalau terdapat apa-apa salahguna kuasa-kuasa ini, kesan yang akan ditimpa oleh Kerajaan adalah serius dan ianya akan mempengaruhi kejujuran Kerajaan dan saya penuh yakin bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak berani menyalahgunakan kuasa-kuasanya, tambahan pula sejak kemerdekaan segala pencapaian-Kerajaan dapatlah dilihat oleh rakyat jelata. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah juga berikrar di Parlimen dan dalam perjumpaan-perjumpaan di seluruh negara bahawa tidak akan terdapat penyalahgunaan kuasa di atas Akta Rahsia Rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dibahaskan bahawa kebebasan kehakiman telah diambil oleh Akta ini oleh kerana hakim-hakim tiada pilihan, melainkan menjatuhkan hukuman minima, iaitu penjara satu tahun apabila sesiapa didapati bersalah di bawah Akta ini. Saya Ingin mengatakan di sini bahawa orang-orang yang membangkitkan peruntukan ini tidak memahami jalan kerja mahkamah-mahkamah di dalam negara ini. Badan Kehakiman di Malaysia adalah satu badan yang mempunyai kebebasan sepenuhnya. Para hakim dilantik di bawah Perlembagaan Persekutuan dan mereka menikmati kuasa-kuasa dan kebebasan di bawah Perlembagaan. Saya yakin bahawa para hakim negara ini akan terus melaksanakan kuasa-kuasa mereka dengan cara adil dan tanpa segan. Mahkamah mempunyai kuasa-kuasa berpaut, dengan izin, 'to prevent injustice' untuk mengikat jamin seseorang yang didapati bersalah di bawah Akta Rahsia Rasmi di mana terdapat keadaan-keadaan istimewa yang membolehkan mahkamah melaksanakan budibicaranya.

Saya juga yakin bahawa di mana sesuatu perkara itu diisytiharkan sebagai rahsia rasmi, yang sebenarnya bukan rahsia rasmi. Mahkamah tidak ada membenarkan ketidakadilan sedemikian dan saya yakin bahawa hakim-hakim negara ini akan bertindak untuk melindungi rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam semua negara-negara membangun seperti negara kita, mahkamah-mahkamah memainkan peranan yang sangat penting di dalam hal ehwal negara. Mahkamah-mahkamah bertindak sebagai memeriksa terhadap 'executive abuse and excess', dengan ini. Saya penuh berkeyakinan bahawa badan kehakiman negara ini akan terus melaksanakan tugas-tugas dan jawatan sepertimana yang diturunkan dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memberikan sokongan saya kepada pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tiong Hiew King.

5.09 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian untuk perbahasan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diketahui sejak Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) kepada sidang terakhir Dewan Parlimen pada bulan Mac lalu, pindaan itu sudah menarik perhatian ramai dan terdapat juga teguran-teguran dari beberapa pihak dan orang ramai terhadap peruntukan Rang Undang-undang itu, setelah itu Kerajaan pun mengkaji dan menggubal peruntukan Rang Undang-undang. Maka, Rang Undang-undang yang sekarang kita membahaskan di Dewan yang mulia ini adalah Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi yang ketiga.

Memang kita tahu dari teguran-teguran itu ada yang datang dari pihak yang berkepentingan politik tetapi ada juga yang menyuarakan kekhawatiran mereka yang ikhlas. Oleh kerana Kerajaan sudah memberi pertimbangan yang serius kepada kekhawatiran pihak yang menegur, Rang Undang-undang yang ketiga itulah yang dibentangkan dan dibahaskan seorang di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu yang mereka khuatirkan itu ialah mengenai takrif mengenai perkataan Rahsia Rasmi yang mempunyai tafsiran terlalu luas kuasa-kuasa yang diberi kepada Menteri-menteri berkenaan dan pegawai-pegawai awam atasan yang tertentu bagi menjelaskan surat-suratan, maklumat-maklumat atau bahan-bahan rasmi untuk menjadikannya Rahsia Rasmi. Dan juga mengenai hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya setahun yang dianggap akan menghalang mahkamah menghukum seseorang mengikut berat kesalahannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir ketika mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang yang ketika itu telahpun mengatakan bahawa Kerajaan sekarang dan Kerajaan-kerajaan di masa-masa depan di Malaysia adalah demokratik dan bertanggungjawab serta tidak akan menyalahgunakan kuasanya, Walaupun begitu, kekhawatiran dan kebimbangan rakyat belum dapat dihindarkan atau dihapuskan. Maka itu, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan dapat mengadakan dialog-dialog dengan rakyat serta memberi penjelasan-penjelasan kepada mereka melalui mass media supaya rakyat memahami hasrat Kerajaan atau maksud Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyetujui dengan prinsip Kerajaan untuk mengambil langkah keselamatan termasuk melalui pindaan Akta

Rahsia Rasmi bagi memperlindungi kepentingan awam atau keselamatan negara. Memandang takrif perkataan Rahsia Rasmi yang mempunyai tafsiran terlalu luas serta kuasa yang luas diberi kepada Menteri-menteri dan pegawai-pegawai awam atasan yang tertentu, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan bahawa Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 jika diluluskan nanti harus dikaji kelak dari masa ke masa bagi mengelakkan penyalahgunaannya serta menyelamatkan individu atau rakyat di negara ini daripada teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan saya dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong Kie Yik.

5.13ptg.

Tuan Woug Kie Yik: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberikan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan tentang Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986.

Bagi kebanyakan kita yang terdedah kepada berbagai media massa, kita mempunyai banyak perkara yang hendak diperkatakan. Saya percaya kita umumnya kluatir bahawa kita akan kehilangan hak-hak demokratik kita. Saya bersetuju bahawa setiap seorang dari kita boleh memperkatakan sesuatu tidak kira sama ada kita ini seorang ahli politik atau hanya seorang rakyat biasa dalam apa jua isu. Suasana politik yang sihat ini harus dikekal serta dipertahankan daripada orang-orang yang suka membuat gempur, yang semata-mata ingin melihat confusion dan konflik antara sesama rakyat. Pindaan ini walau bagaimanapun, tiada kena mengena dengan penghapusan hak-hak demokratik rakyat. Ia sepatutnya adalah bagi membentuk suasana yang baik bagi pertumbuhan demokrasi; demokrasi di mana kita sebagai

negara sedang membangun boleh menikmatinya. Kita tidak sewajarnya setiap masa menentang antara satu sama lain, sementara rakyat yang miskin bertindak sebagai pemerhati yang menderita.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah perlu bagi mendisiplin kakitangan awam agar sedar akan tanggungjawab mereka yang suci bagi menjunjung dan mempertahankan keselamatan negara, sama ada yang merupakan pengkhianat dari luar ataupun dari pengkhianat-pengkhianat tempatan, Kita tidak boleh membiarkan rahsia-rahsia kita ter bocor dan orang lain mendapat faedah darinya, sementara kita jatuh terhempas. Rakyat sudah pasti akan menyalahkan Kerajaan dan kepercayaan suci akan lenyap. Bukanlah Kerajaan tidak boleh bersalah, atau ia tidak sepatutnya dikritik, tetapi hanya apabila peraturan-peraturan atau Akta-akta yang didapati mempunyai banyak kelonggaran di sana sini, hendaklah dipinda dari masa ke semasa bagi menyesuaikan dengan keperluan negara.

Pindaan ini oleh yang demikian, adalah sewajarnya. Kita tidak seharusnya bersikap emosional. Ia adalah bagi kepentingan negara. Ia bukanlah kerana perkara ini diperkatakan oleh pemimpin Barisan Nasional, tetapi adalah kerana ia perlu bagi negara untuk terus hidup di dunia yang mencabar ini. Kita tidak boleh terlalu dipercayai orang luar. Kadangkala atau kebanyakan masa kita harus berdiri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita menghadapi kesukaran ini dengan penjagaan yang begitu berhati-hati tahap nasionalisme yang lebih baik yang ditanam pada setiap rakyat, kita berupaya mengatasi kekecewaan, menuju masa depan yang maju dan makmur. Atas sebab-sebab ini sekelumit demokrasi liberal dari Barat hendaklah disingkirkan. Saya tidak bermaksud Kerajaan totalitarian akan lahir. Pada

hakikatnya kelahiran sebuah demokrasi Malaysia yang baru di mana rakyat boleh menikmati era kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kenneth Kanyan.

5.20 ptg.

Tuan Kenneth Kenyan Anak Temenggong Koh: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas memberi peluang kepada saya bersama-sama rakan-rakan Parliamentarians untuk membahaskan ang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi, 1972.

Rang Undang-undang ini baik, berpatutan dan masanya sudahlah tiba untuk meminda Akta Rahsia Rasmi, 1972 dan membuat peruntukan-peruntukan tertentu berhubung dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan pindaan-pindaan itu. Rang Undang-undang yang ouf-of-date, dengan izin, dan tidak sesuai patutlah dipinda dan dibaharui. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan yang memberi pandangan baik kepada negara untuk meminda Rang Undang-undang Rahsia Rasmi yang ber-sesuaian masa.

Tuan Yang di-Pertua, kertas, suratan rahsia rasmi Kerajaan banyak terbocor di negara kita. Pindaan ini dalam pandangan saya adalah berpatutan dilaksanakan dan memperketatkan terbocor rahsia rasmi di tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen-seksyen dan seksyen-seksyen baru bersama dengan Jadual baru dalam pandangan saya adalah baik dan berpatutan. Ini adalah tanggungjawab dan tugas Kerajaan untuk memperketatkan supaya rahsia rasmi tidak terbocor lagi. Kami berharap Kerajaan yang menjalankan kuasa ini janganlah salahgunakan Rang Undang-undang ini sebagai kepentingan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen yang dipinda dan yang baru menerangkan kelas bagi 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad' oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atas mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B untuk mengelaskan surat-an yang dinyatakan dalam Jadual baru dalam Rang Undang-undang pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Rang Undang-undang ini adalah disambut dengan kritik oleh Pembangkang. Barang baik dipandang oleh Pembangkang pun tidak baik, air bersih pun dipandang keruh. Tuan Yang di-Pertua, banyak golongan-golongan di negara kita berkata parliamentary democracy akan mati tetapi belum mati dan golongan-golongan ini memberi fikiran kacau-bilau kepada rakyat kita di negara ini. Khabar buruk seperti ini mudah diterima oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan made a good move, dengan izin, untuk meminda Rang Undang-undang Rahsia Rasmi kerana surat-an, dokumen Kerajaan telah terbocor di pejabat Kerajaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang mahu memburukkan pentadbiran Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sudah memberi assurance kepada rakyat dan, dengan lain, boleh saya membaca assurance dari Yang Amat Berhormat bertarikh 5.12.1986 (Jumaat).

Heading: **OSA won't be abused - PM.**

Kuala Lumpur, Friday. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad assured the people today that in enforcing the newly amended Official Secrets Act, only cases threatening the interest of the people and the country will be brought to court. "We believe that

The present Government and the Governments of the Future will be Democratic and responsible and will not abuse its power," he added.

Tuan Yang di-Pertua, assurance oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada rakyat adalah memuaskan. Sambutan dari Barisan Nasional di Dewan Rakyat sudahlah di luluskan. Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya sokongan dari Dewan Negara ini tidaklah disoal-soalkan, kita menyokong,

Tuan Yang di-Pertua, Dalam sekyen 8(a), (b), (c) dan (d) peruntukan-peruntukan penalti, penaltinya ialah penjara dan denda. Dalam 8(a), penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada 14 tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000 atau penjara dan denda itu kedua-duanya. Dalam pandangan saya, orang-orang yang melakukan jenayah ini patut dihukum berat kerana mereka ialah traitors, spies, dengan izin. Hukuman patut ditambah, jikalau mereka rakyat Malaysia patut taraf warganegara mereka disingkirkan, jikalau rahsia itu berkenaan dengan security negara kita terbocor.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru Kerajaan supaya yang berkenaan janganlah salahguna kuasa ini, menyelewengkan Rang Undang-undang Rahsia Rasmi ini kerana negara kita ini berparlimen dan demokrasi.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972. Terima kasih,

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak.

5.29 ptg.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuhnya sebab-sebab bagi pindaan yang dicadangkan atas Akta Rahsia Rasmi, 1972.

Sebab utamanya adalah untuk memberikan Akta tersebut kuasa yang mencukupi untuk dijadikan suatu pencegah yang berkuasa terhadap anti-nasiolist serta kumpulan orang yang tamak, yang hanya bersedia untuk mengancam keselamatan atau kesejahteraan negara tercinta kita serta dipinda untuk memastikan bahawa tiada sesiapa yang akan keliru akan makna suatu 'Rahsia Rasmi' disebabkan Akta yang asal tidak memberi sebarang definisi rahsia-rahsia rasmi.

Di bawah Akta yang sedia ada ini, sesuatu maklumat bolehlah dikelaskan atau diclassifykan sebagai "rahsia rasmi" sebagaimana yang disebutkan oleh Raja Azlan Shah, Ketua Hakim Negara pada masa yang berkenaan dalam mengadili kes Lim Kit Siang berlawanan dengan Pendakwaraya yang telah dilaporkan dalam majalah MLJ 1980, muka surat 294. Dengan izin, di sana dia kata:

"In any event, Government must surely have the undoubted right to decide what information they would keep from the public, Such information would be official secrets and would be caught by the Act".

Dalam terjemahan, dalam sebarang kejadian, Kerajaan pasti mempunyai kuasa yang tidak di ragu-ragukan untuk menentukan apakah maklumat yang akan dirahsiakan dari orangramai. Maklumat tersebut akan dijadikan rahsia rasmi di bawah Akta yang tersebut.

Oleh yang demikian, sesiapa yang menerima, menyimpan atau membongkarkan sebarang maklumat yang dikelaskan sebegitu mungkin akan didakwa di bawah Akta yang sedia ada sekarang, melainkan jika orang yang didakwa itu bergantung atas pembelaan yang diberi, ia akan didapati bersalah dan dihukum di bawah peruntukan hukuman yang sedia ada. Dan sama ada ia mempunyai maklumat atau tidak, jika ia diminta memberi maklumat tersebut, ia mesti melaporkan komunikasi tersebut kepada pegawai yang berkaitan dan jika tidak, ia juga mungkin didapati bersalah dan dihukum. Nasib yang sama akan tertimpunya jikalau ia gagal memastikan maklumat yang ada padanya tidak diambil oleh orang lain untuk dipergunakan. Maklumat yang dikelaskan se-

begitu mungkin ialah maklumat mengenai sesuatu jamuan teh kepada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Benedict Stephens ataupun maklumat berkaitan dengan pembahagian tanah kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kerja sesuatu Kerajaan Negeri yang diputuskan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang sama. Oleh yang demikian, Kabinet Kerajaan dalam bertindak terhadap kebimbangan yang dilahirkan oleh masyarakat telah memberikan suatu definasi bagi 'rahsia rasmi' dalam pindaan yang dicadangkan. Tujuan definasi ini adalah untuk menyempitkan lingkungan 'rahsia rasmi' yang terlalu luas itu yang ada pada Akta yang sedia ada sekarang.

Tujuan Kerajaan adalah dipuji kerana ia menunjukkan bahawa Kerajaan kita adalah sentiasa memberi pertimbangan ke atas perasaan rakyat dan oleh sebab itu berkenaan dengan pindaan-pindaan ini Kerajaan telah membuat pindaan dua kali dan pindaan yang ada sekarang di hadapan kita ini adalah pindaan yang ketiga. Sekarang marilah kita cuba mengkaji Rang Undang-undang yang dibentangkan dan melihat dalam keadaan yang tenang dan dengan tidak memainkan politik, keluarkan perasaan kita dengan ikhlas dan tengok sama ada Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang ini akan menepati tujuan-tujuan yang tersebut di atas iaitu untuk menghalang secara efektif, dengan izin, anti-nationalists dan orang yang hanya mementingkan keuntungan diri sendiri dari melakukan kesalahan di bawah Akta sekiranya pindaan-pindaan ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, definasi yang dicadangkan untuk "rahsia rasmi" telahpun betul menyempitkan lingkungan Akta yang sedia ada sejauh mana yang rahsia rasmi adalah bersangkutan. Dalam definasi,

hanyalah dokumen-dokumen yang ada di dalam kandungan Jadual atau dokumen-dokumen atau maklumat-maklumat yang dikelaskan oleh orang-orang yang disebutkan dalam pindaan ini adalah rahsia rasmi. Maka ini telah bermakna bahawa pindaan ini adalah untuk membaiki Akta yang ada sekarang. Dalam Akta yang ada sekarang seperti yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, semua maklumat rasmi Kerajaan itu boleh dikatakan rahsia rasmi. Tetapi dengan pindaan ini, hanya dokumen-dokumen yang tersebut boleh dijadikan sebagai rahsia rasmi dan yang lain-lain itu tidak. Maka dengan terus terangnya pindaan ini baik dan ianya telah membawa improvement atau sesuatu yang baik kerana dengan ini orang ramai tidak payah keliru lagi sama ada dia ada membuat atau tidak sesuatu kesalahan jika dia mendapat sesuatu maklumat. Ini baik, kalau tidak ada pindaan yang lain.

Tetapi dalam Akta ini selain daripada definisi, ada juga Clause yang lain. Clause yang pentingnya ialah kuasa yang diberikan kepada seseorang Menteri untuk menambah atau mengurangkan bilangan dokumen-dokumen atau maklumat daripada Jadual yang tersebut. Dengan Clause ini nampaknya definisi dan Jadual itu tidak dapat ditentukan lagi atau, dengan izin, unpredictable. Apa yang ada sekarang dalam lingkungan Jadual ini sangat baik dan semua orang rakyat mesti menyokong itu kerana dokumen-dokumen ini adalah dokumen-dokumen yang penting. Tetapi dengan memberikan kuasa kepada Menteri yang berkenaan selepas pindaan ini diluluskan, boleh jadi seperti apa yang dikhuatir oleh orang-orang bahawa maklumat-maklumat yang lain boleh dimasukkan ke dalam Jadual. Dan juga dengan kuasa yang diberikan untuk mengelaskan dokumen-dokumen yang lain, definisi itu pun sudah jadi luas. Itulah orang yang berasa takut. Perasaan takut ini betul-betul ikhlas.

Sebagai seorang peguam, saya pun berasa hairan bahawa Bar Council itu dituduh sebagai satu pertubuhan yang tidak bertanggungjawab, barangkali kerana dia mengeluarkan perasaan itu, barangkali Kerajaan ada bukti yang lain, tetapi apa yang dikeluarkan oleh mereka itu saya fikir ialah perasaan seperti perasaan yang saya keluarkan, perasaan yang dikeluarkan dengan ikhlas, dengan kebimbangan yang ada di atas ini kerana ini boleh jadi.

Saya suka menyatakan di sini bahawa Kerajaan telah membuat definasi, oleh sebab ramai orang bimbang dan ini telah menunjukkan Kerajaan adalah sensitif di atas kebimbangan orang lain.

Selain daripada apa yang dikatakan oleh saya tadi, barangkali boleh dimaklumkan lagi bahawa Rang Undang-undang yang pertama kali dibentangkan dalam bulan Mac, 1986 tidak mengandungi sebarang definasi atas "rahsia rasmi", Mungkin pada masa itu tujuan yang unggul adalah untuk menutup, dengan izin, loopholes dalam Akta yang sedia ada di mana Kerajaan mendapati ada kelemahan dalam mencegah orang ramai dari melakukan kesalahan di bawah Akta itu, kerana ramai orang tengok dengan senang sahaja, kalau dia ditangkap senang sahaja, dia membayar denda, kemudian dia boleh lepaskan sendiri.

Oleh sebab pindaan yang pertama telah dikeluarkan, ramai orang yang taat setia kepada negara ini telah mengeluarkan perasaan bimbang dan akibatnya kita membuat pindaan yang kedua di mana definasi itu telah diberikan.

Berkenaan dengan kuasa yang diberikan kepada Menteri, barangkali Kerajaan mempunyai sebab yang bagus dan kita mesti memahami bahawa kerana beban kerja yang berat dalam Parlimen dan Kerajaan, adalah menjadi biasa untuk delegate kuasa kepada Executive untuk

pembentukan undang-undang dengan hal-hal berkenaan dengan pentadbiran.

Kita seringkali dengar konsep demokrasi kita adalah berasaskan kepada perasingan kuasa (Separation of Powers), tetapi kita mesti faham pada hakikatnya di atas konsep demokrasi yang kita ada, tidak ada perasingan kuasa di antara Executive dan Parlimen dan ini juga berlaku bukan sahaja di negara kita, tetapi juga di England atau Australia.

Kita harap apa sahaja kuasa yang diberikan kepada Menteri (Executive) itu ialah kuasa bukan menjadi suatu yang substantive dan kuasa hendaklah diberikan untuk membuat peraturan-peraturan tentang hal-hal pentadbiran. Kuasa yang diberikan dalam Bil ini barangkali adalah substantive, kerana dia boleh menambah atau mengurangkan dokumen-dokumen yang boleh menjadi suatu charge. Walaupun kuasa tambahan ini tidak diberikan kepada Executive lengkongan serta kuantiti rahsia rasmi, akan berkembang sekiranya Menteri-menteri, Menteri-menteri Besar, Ketua Menteri atau sebarang pegawai awam yang dilantik oleh mereka mahu mengelaskan sebarang maklumat sebagai rahsia rasmi di bawah kuasa yang diberikan dalam definasi ini. Ini adalah kuasa yang diberikannya dan orang takut bahawa orang yang mengkelaskan itu bukanlah orang yang bertanggungjawab. Bagi kita di sini barangkali itu satu perkara yang tidak patut diambil kerana orang-orang ini adalah orang yang dipilih, tetapi bagi orang ramai mereka fikir dalam negara kita juga ada Menteri yang barangkali dahulu ada membuat sesuatu yang tidak patut dibuat dan juga ada Ketua Menteri di dalam sesebuah negeri yang ada membuat begitu. Oleh sebab itu mereka berasa bimbang serba sedikit.

Pada keseluruhannya satu-satu perubahan yang ditetapkan oleh definisi rahsia rasmi bersama-sama dengan kuasa yang diberikan kepada Menteri di bawah Seksyen 2A, adalah keperluan bagi beberapa tindakan untuk dibuat oleh orang-orang yang tersebut itu sebelum sesuatu rahsia rasmi itu boleh dijadikan rahsia rasmi. Oleh sebab itu orang-orang mengatakan perubahan ini adalah perubahan cosmetic, kerana pada hakikatnya semua maklumat juga kalau kita ada orang yang tidak bertanggungjawab boleh menjadikannya sebagai rahsia rasmi, iaitu termasuk barangkali satu jamuan teh seperti yang dikatakan oleh saya, atau pembahagian tanah yang corrupt itu boleh dijadikan sebagai rahsia rasmi.

Tambahan pula di bawah Seksyen 16A yang baru yang dicadangkan, Menteri adalah diberi kuasa untuk menghapuskan bidangkuasa yang wujud bagi mahkamah untuk menentukan sama ada dokumen-dokumen tertentu merupakan rahsia rasmi atau tidak. Ini mungkin dapat menjimatkan tenaga Kerajaan, masa dan wang dan pada masa yang sama memastikan kejayaan dalam sebarang pendakwaan di bawah Akta ini, jika pindaan ini diluluskan. Tetapi ia juga bertentang dengan dasar sistem undang-undang kita yang berdasarkan kepada perasingan kuasa di kalangan bidang yang menggubal undang-undang iaitu Legislature dan Judiciary.

Tadi saya menyebutkan berasingan kuasa di antara Executive dan Parlimen barangkali pada hakikatnya tidak ada, tetapi berasingan di antara Judiciary dan Executive mesti ada, kerana ini sangat mustahak. Kami telah dijamin bahawa Clause ini barangkali masih ada kerana sesuatu rahsia rasmi kalau telah dikelaskan Mahkamah pada masa sekarang pun tidak menengok sama ada ia rahsia rasmi atau tidak, itu sudah jadi benar.

Tetapi dengan clause ini menyebabkan orang takut, clause ini dapat disalahgunakan. Kalau dengan clause ini, kalau sesuatu maklumat itu diakui bahawa ini adalah rahsia rasmi, Mahkamah tidak boleh mengambil keputusan bahawa ini bukan dan apa yang menakutkan rang ini ialah kalau sesuatu maklumat pada asalnya belum dikelaskan sebagai rahsia rasmi dan telah diambilnya dan kalau ada orang yang tidak bertanggungjawab hendak mengambil tindakan terhadap orang itu, kemudian ini boleh diakui bahawa ini adalah di bawah Seksyen 16A sudah dijadikan rahsia rasmi kemudian dan bukan, pada masa dokumen itu dikeluarkan.

Rang Undang-undang ini dapat diterima sekiranya tidak ada pindaan dibuat atas peruntukan hukuman. Kita tahu dalam Akta yang ada sekarang semua maklumat boleh dijadikan sebagai rahsia rasmi dan kalau orang itu telah mengeluarkan maklumat atau dokumen yang rasmi itu dengan tidak ada persetujuan, orang itu dapat didakwa dalam Mahkamah di bawah Akta yang ada sekarang. Tetapi di bawah Akta yang ada sekarang, kalau maklumat itu tidak penting dan tidak merbahaya kepada negara itu, Tuan Hakim boleh kata, ini bukanlah satu rahsia yang penting maka Tuan Hakim boleh mendendanya. Tetapi dalam pindaan hukuman ini dengan minima satu tahun, ini bagi orang yang takut. Takut bukan kepada orang-orang yang betul membocorkan rahsia yang hendak membinasakan negara itu dihukum dengan selama-lamanya, bukan, Yang takut ialah kalau dia mengeluarkan sesuatu rahsia yang tidak penting, kerana dia telah dikelaskan sebagai rahsia tetapi tidak penting, dia dijatuhkan hukuman sekurang-kurangnya satu tahun, ini bagi orang yang takut. Dalam pindaan ini, ini boleh jadi.

Memang tidak ada sesiapa yang ragu-ragu kalau jaminan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau Peguam Negara kita bahawa sekiranya pindaan Akta ini diluluskan ia tidak akan disalahgunakan. Tiap-tiap rakyat Malaysia yang cintakan Malaysia patut bersetuju bahawa sesiapa yang didapati melakukan kesalahan dalam merosakkan keselamatan dan kesejahteraan negara kita memanglah patut dikenakan hukuman iaitu masuk jel.

Sebenarnya dalam Akta yang sedia ada sekarang iaitu mandatory sentence sudah ada, sesiapa yang mengintip hukumannya ialah penjara seumur hidup (life imprisonment). Maka ini telah disokong oleh semua rakyat di Malaysia ini. Walau bagaimanapun, kita mesti ingat bahawa jaminan yang diberi oleh satu jenerasi pemimpin mungkin tidak akan diikuti oleh pemimpin jenerasi yang lain dan jaminan yang diberikan oleh sesuatu Kerajaan tidaklah mengikat satu Kerajaan yang lain.

Kita akan dijamin selama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kekal sebagai Perdana Menteri sekiranya pindaan Akta ini diluluskan tidak akan disalahgunakan sebagaimana yang kita khuatiri. Malangnya tiada sesiapa yang boleh kekal menjadi Perdana Menteri untuk selama-lamanya. Oleh sebab itu jika hanya bergantung atas jaminan satu soalan yang berkaitan ialah mengapa tidak kita memasukkan jaminan itu ke dalam Akta yang dipinda. Perintah hukuman penjara (mandatory jail sentence) sudah ada tetapi itu patutlah hanya terhad kepada kesalahan-kesalahan yang merusakkan keselamatan atau keuntungan negara kita.

Kalau orang dapat rahsia negara yang lain untuk merusakkan negara kita atau mendapat rahsia untuk menjual kepada orang lain dan

mendapat keuntungan berbillion ringgit, orang-orang ini mesti di-jatuhkan hukuman penjara. Tetapi kalau sesuatu maklumat itu mengenai hanya jamuan teh atau lain, itu tidaklah patut, tetapi kita tahu ini tidak akan berlaku kalau pemimpin-pemimpin yang ada sekarang masih ada di sana. Tetapi bagi kebanyakan kesalahan di bawah Akta ini hukumah yang sedia ada patut dikekalkan iaitu ter-pulanglah kepada kebijaksanaan Mahkamah untuk menentukan sama ada orang yang didakwa itu patut didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya sekali tetapi dalam tiap-tiap kesalahan itu, kalau kesalahan itu adalah merosakkan negara itu hukuman penjara ini mesti ada, saya sokong dengan penuhnya,

Kebimbangan saya yang nyata ialah sekiranya pindaan ini diluluskan Akta Rahsia Rasmi akan menghalang orang biasa dari mendapatkan atau memberi maklumat secara bebas walaupun pada masa yang sama ia mungkin tidak dapat menghalang anti nasional atau orang yang mementingkan keuntungannya sendiri daripada terus melakukan hal jenayah, sebab mereka mungkin menjadi terlalu berpengalaman dan mahir. Tentang takut yang lain, barangkali suratkhbar hanya mungkin jadi sesuatu pengedar berita dan bukan membuat berita-berita yang lain.

Kita tahu Rang Undang-undang ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan saya tidak ragui ia akan juga diluluskan oleh Dewan Negara ini. Maka di sini saya hanya menyeru Kerajaan kita selepas Akta ini diluluskan, kalau ada terdapat yang mana-mana dikhuatiri oleh orang lain dan barangkali boleh mendatangkan sesuatu yang tidak baik kepada faedah negara, Kerajaan bolehlah meminda atau membuat pindaan sekali lagi, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

6.00 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan saya, ingin saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perlantikan saya ke Dewan ini. Saya sangat berhutang budi atas kepercayaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap kebolehan saya dan saya berjanji akan berkhidmat untuk negara seberapa daya upaya yang boleh dengan sepenuh semangat. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya selaku Presiden MIC, Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu kerana mencadangkan nama saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini Dewan Negara perlu mengkaji dan berdebat satu usul yang benar-benar mustahak iaitu pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972. Saya kira tugas sebagai Ahli Dewan ini sungguh berat dan kita perlu berhati-hati apabila mengkaji pindaan Rang Undang-undang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sebahagian rakyat Malaysia khuatir atas kuasa yang akan diberikan oleh pindaan Rang Undang-undang ini kepada Menteri-menteri, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri dan pegawai-pegawai awam.

Kerajaan harus sedar bahawa Rang Undang-undang ini telah menimbulkan banyak keraguan dan persoalan di kalangan orang ramai, ahli-ahli akademik dan pegawai-pegawai Kerajaan sendiri. Pindaan ini mustahak dalam dua aspek. Aspek pertama ialah cara dan corak yang akan digunakan oleh pegawai-pegawai awam untuk mengelaskan satu-satu perkara sebagai rahsia rasmi. Saya difahamkan ada empat jenis rahsia rasmi: pertama - rahsia besar; kedua - rahsia; ketiga - sulit; dan keempat - terhad.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita yang mempunyai satu sikap terbuka dan juga tiada berniat tertentu. Dengan demikian Rang Undang-undang ini tidak akan digunakan sebagai alat untuk menutup jika ada kelemahan-kelemahan Kerajaan yang menjadi hal-hal yang ditegur oleh orang ramai. Juga saya sedar bahawa Seksyen Baru 16A di mana satu certificate perakuan oleh pegawai awam yang mensifatkan satu perkara sebagai rahsia rasmi tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah pun dan ini merupakan satu kuasa yang amat kuat di tangan pegawai-pegawai awam. Saya tidak lupa bahawa kuasa seperti ini perlu untuk menjamin keselamatan negara dan bagi mempertahankan rahsia-rahsia besar negara.

Aspek yang kedua yang telah menimbulkan keraguan ialah hukuman penjara yang diwajibkan terhadap kesalahan-kesalahan yang sabit selepas keputusan mahkamah berdasarkan pindaan Rang Undang-undang ini.

Saya merayu kepada semua pihak yang berkenaan yang terlibat dalam melaksanakan kuasa ini sungguh-sungguh mengawal dan mengambil perhatian bagi mengelakkan penyelewengan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga berharap bahawa, dengan izin, there will be proper justification, bagi tiap-tiap perkara yang diperakukan sebagai rahsia rasmi. Saya percaya pegawai-pegawai awam yang dihormati oleh rakyat Malaysia yang melaksanakan tugas-tugas mereka tidak akan menunjukkan satu sikap keterlaluan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Rang Undang-undang ini Kerajaan harus sedar bahawa teguran-teguran orang ramai mungkin jujur walaupun teguran ini akan melibatkan satu, dua perkara yang dianggap sebagai rahsia oleh pegawai-pegawai awam.

Tuan Yang di-Pertua, media massa khususnya perlu diberi penerangan yang jelas supaya information flow di antara Kerajaan dan rakyat boleh dilakukan secara licin dan berkesan. Lidah Pengarang, Utusan Malaysia hari ini mencerminkan perkara ini. Kita perlu berjaga-jaga supaya Rang Undang-undang ini tidak menakutkan para pemberita dan wartawan sehingga penukaran feed-back dan penyaluran penerangan dan maklumat tidak terjejas hingga mewujudkan information gap yang ketara di antara Kerajaan dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu Dewan yang raulia ini mempertimbangkan skop pandangan-pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini kerana diberi kebenaran kepada saya untuk membuat ucapan sulung atau ucapan pertama saya ini. Sekian, tertma kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin. Kita beri peluang kepada kaum wanita pula. Dipersilakan Yang Berhormat.

6.08 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga merasa bangga kerana diberikan peluang bersama-sama untuk membahas dan memberikan pandangan-pandangan dan seterusnya menyokong penuh Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan kepada pindaan Rang Undang-undang ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat dan kemudian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan Negara telah menjelaskan dengan panjang lebar atas segala matlamat tujuan dan faedah-faedah serta sebab musabab pindaan ini perlu diadakan. Berbagai-bagai huraian-huraian telah dibuat, berbagai-bagai penjelasan telah dibuat hinggakan hampir setiap patah daripada pindaan Akta ini telah dijelaskan maksudnya dan telah diberi keterangan-keterangan atas segala yang terkeliru atau yang masih lagi ada yang kurang faham yang tidak nampak kepada tujuan baik pindaan Akta ini.

Nyata sekali pindaan ini adalah bertujuan untuk mengemaskinikan Akta Rahsia Rasmi 1972 supaya ianya lebih mantap, lebih jelas, lebih terang, lebih mudah difahami dan lebih mudah untuk dilaksanakan dengan tujuan, yang pertama, melindungi negara daripada angkara kebocoran rahsia atas perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab khususnya kepada mereka yang memang anti Kerajaan kita sama ada dari dalam negeri atau dari luar negeri yang berpunca daripada mereka yang anti Kerajaan dalam negeri sendiri.

Dan yang keduanya dapat membendung dan melindungi rakyat awam daripada nantinya terjejas kerana kalau negara dalam huru hara kerana kebocoran dan eksploitasi rahsia-rahsia yang tak perlu dikeluarkan umpamanya seperti rahsia pertahanan dan rahsia lainnya, maka rakyat juga nanti yang akan menerima akibat-akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang menjadi isu yang dibesarkan dan sedang dieksploitasikan pula ketika ini oleh pihak-pihak tertentu di kalangan rakyat jelata. Dua perkara ini ialah mengenai, yang pertama kuasa yang diberikan kepada Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri dan juga kuasa yang hendak dipindahkan oleh mereka kepada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan bagi mengelakkan ataupun menentukan kategori-kategori kepada rahsia-rahsia yang berkenaan dan yang kedua ialah mengenai hukuman mandatori yang menjadi bahan perbincangan yang dikatakan zalim, yang dikatakan merampas hak kehakiman, yang dikatakan tidak berperikemanusiaan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam huraian kepada pindaan Akta ini sendiri dengan jelas telah menyebutkan, para pemimpin juga telah banyak kali mengutarakan, surat-surat khabar juga kita ucapkan terima kasih kepada mass media juga turut sama-sama memainkan peranan menjelaskan kepada rakyat bahawa apakah dua perkara ini benar-benar menggugat rakyat jelata seperti yang didakwa oleh sesuatu pihak atau sesuatu kumpulan yang sengaja-ngaja menimbulkannya. Umpamanya, katalah kuasa Menteri. Kita faham kuasa-kuasa mereka juga bukanlah mereka boleh gunakan dengan sewenang-wenangnya. Dalam Akta ini sendiri telah mencatatkan, telah menerapkan dan telah diaktakan bahawa rahsia itu mempunyai empat tingkatan iaitu 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit', dan 'terhad'. Tidaklah 'jamuan teh' jadi rahsia ataupun Menteri-menteri sekali-sekala pergi makan angin ke

Hawaii, menggunakan duitnya sendiri pun jadi rahsia. Kalau perkara-perkara tetek-bengek ini yang tidak berkaitan dengan kehendak negara, tidak berkaitan dengan faedah rakyat, kemudian dijadikan juga rahsia, maka sebenarnya pemimpin itu otaknya sudah tidak 'centre' dan patut dia tidak boleh jadi pemimpin.

Tetapi kita syukur kerana pemimpin-pemimpin yang ada dalam Barisan Nasional sekarang ini semuanya "kenteng-kenteng" belaka, kata Bahasa Indonesia, kesemuanya ada fikiran, ada perasaan, ada pelajaran, ada kewibawaan, ada kemampuan dan ada kebolehan dan mereka telah menunjukkan sikap-sikap ini kerana undang-undang ini bukan baru wujud - dan tahun 1972 sampai 1986 bagi berapa tahun ianya sudahpun wujud.

Pernahkah kita dengar cerita-cerita penyelewengan yang berlarutan yang tidak munasabah? Malahan Kerajaan sendiri apabila terdapat sahaja perkara-perkara penyelewengan segera mengambil tindakan, segera menubuhkan beberapa jawatankuasa siastan dan segera mendedahkan atau membawa perkara-perkara itu ke mahkamah sehingga kadangkala kepada rakyat yang setia, rakyat yang baik hati, rakyat yang benar-benar ikhlas, rakyat yang siuman, mereka marah pula kepada Kerajaan sebab mereka kata ianya tak begitu tegas, lambat bertindak, tidak mahu menghukum orang-orang yang salah itu dengan segera. Ini pula yang disebutkan, bukan sahaja Kerajaan hendak menghukum, rakyat pula mahu Kerajaan supaya tegas menghukum.

Umpamanya di dalam peristiwa tragedi sedih BMF sebagai contohnya, Kerajaan telah membuat atau mendedahkan segala-galanya. Satu pihak mengatakan Kerajaan tidak tegas iaitu puak-puak Pembangkang sahajalah, semuanya tak kena. Tetapi rakyat kata Kerajaan tidak tegas kerana tidak mahu menyiasat perkara-perkara itu. Kemudian

Kemudian apabila kita aktakan benda ini, pihak ini juga mengatakan, ianya satu kezaliman, ianya satu perkara yang tidak menghormati hak demokrasi.

Satu perkara lagi yang nampaknya menjadi isu kontroversial ialah mengenai hukuman. Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang itu menjual rahsia, mengeluarkan rahsia negara sehingga menyebabkan timbulnya beberapa kerumitan atau kesengsaraan, jadi rasa saya setahun itu tak cukup, sepatutnya lebih daripada setahun kalau ditimbangkan dengan kesalahan besar yang dilakukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang menjadi kecoh ketika ini ialah adanya eksploitasi-eksploitasi, hasutan-hasutan dan fitnah-fitnah serta tomah-tomah, andaian-andaian, ramalan-ramalan prasangka-prasangka yang sengaja ditimbulkan daripada Akta ini oleh pihak-pihak yang tertentu yang dipelopori parti pembangkang DAP yang sengaja menyelewengkan tujuan baik Akta ini, yang sengaja menghitamkan matlamat Akta ini dengan satu tujuan, dan tujuannya ialah seperti kata pepatah, 'ada udang di balik batu', Tuan Yang di-Pertua. Sebab selepas ini nantt susahlah mereka hendak mencungkil, hendak mencari rahsia-rahsia dengan mempengaruhi mereka dan kemudian digembar-gemburkan. Mungkin mereka ada bertujuan lain kerana mereka ini memang tak suka Kerajaan. Terang dan nyata mereka tidak pernah satu kalipun menyokong apa sahaja usaha Kerajaan, walaupun usaha-usaha itu ada faedahnya kepada diri mereka sendiri, walaupun ada banyak faedah yang mereka dapat nikmati.

Berkaitan dengan tindak-tanduk Pembangkang ini, Kerajaan tidak pula bertindak, tidak pula menggunakan kuasa-kuasa yang ada padanya untuk membendung atau menyekat mereka. Mereka bebas

berleluasa sekarang ini dan sedang pergi ke negeri-negeri. Kemudian DAP yang mulanya itu berjaya mempengaruhi NUJ, ALIRAN, Persatuan Mahasiswa Selangor, Bar Council dan beberapa badan lain lagi supaya mengiUut, supaya mahu menerima hujah-hujah mereka dan nampaknya segala hasutan ini sudah mula diterima oleh pihak-pihak yang berkenaan mungkin kerana pihak-pihak yang berkenaan pun sama haluannya dengan tindakan tindak-tanduk hasrat DAP.

Umpamanya satu daripadanya dengan begitu berani, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang menghantar "love letter", dengan izin, kepada seraua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini yang pernah dikecamnya di dalam Dewan Rakyat sebagai "Dewan Tong Sampah", "Rubber Stamp" dan "Boneka".

Kita ini semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini, kepada Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, kepada anak Ahli Yang Berhormat itu dan kepada seorang Yang Berhormat Doktor lagi, ialah "boneka-boneka" kepada Kerajaan, kita semua ini dikatakan "rubber stamp" dan dia mengatakan bahawa imej kita telah luntur dalam pandangan rakyat jelata, katanya. Bila saya baca perkataan 'rakyat jelata' ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hendak muntah, jijik saya, sebab dia mengakui dia mewakili rakyat jelata, sedangkan rakyat yang diwakilinya tak sampaipun 0.1% dari rakyat keseluruhannya. Hanya mereka yang kelabu matanya, yang tidak baik hasratnya, yang khianat, yang anti kepada Kerajaan, yang inginkan kuasa, yang ingin menengok rakyat jelata di negeri ini tidak bersefahaman, bergaduh sesama sendiri, yang mahu melalui percanggahan, perkecohan

antara kaum dengan kaum, rakyat dengan rakyat, mereka pun tegak memegang kuasa sahaja. Dia mengakui dirinya mewakili rakyat jelata dan katanya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"Dewan Negara mesti memulihkan imejnya dalam pandang mata rakyat jelata tentang fungsi keperluan dan kegunaannya iaitu dengan menolak Rang Undang-undang ini...."

Cantik benar, cantik benar hujjahnya.

Kalau semua kita pada hari ini tolak Undang-undang ini, pindaan Rang Undang-undang ini, maki-hamun Kerajaan, hentak meja, berpiket, sokong apa yang mereka hendak buat, walaupun ini akan menjahanamkan negara, maka pada mereka Dewan Negara tinggilah imejnya, maka berkewibawaanlah semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, termasuk saya yang tengah bercakap ini. Kalau tidak sokong mereka, kalau tidak mahu mendengar apa yang mereka sarankan, apa yang mereka cuba menghasut kita, mengadu-dumba kita dengan Perdana Menteri, kita tidak mahu dengar, maka kita beginilah, Tuan Yang di-Pertua. Ertinya kita tidak guna, tidak guna, tidak guna, satu sen tidak guna pada pandangan mereka. Adakah nilai-nilai begini adil, Tuan Yang di-Pertua. Ini samalah seperti kata perbidalan orang tua-tua, iaitu;

"Cerdek ulu parang, cerdek diketahui orang.

Tidak dapat kuasa jadi berang, menghasut rakyat jadi lintang-pukang."

Saya meminta dan merayu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang mulia ini, saya juga merayu kepada badan-badan yang sedang terpengaruh, dan mungkin akan terpengaruh dengan segala temberang dan dengan segala hasutan dengki-khianat daripada parti-parti pembangkang ini, supaya janganlah jadi seperti kata perbidalan Melayu juga:

"Berburu dipadang datar,

dapat rusa patah kaki,

berguru kepalang ajar,

ibarat bunga kembang tak jadi.

Tuan Yang di-Pertua, ingatlah, kalau kita dengar cakap enggang, makan buah belolok, kita dengar cakap pembangkang, kita masuk lubuk. Oleh itu, saya mengharapkan ktta semua akan menimbangkan segala hujah-hujah pembangkang ini dengan fikiran yang waras dan lengan rasa kecintaan yang tinggi kepada negara dan rakyat, yang inilah tempat hidup-mati kita. Janganlah kita terpengaruh. Kita boleh membangkang, boleh memberikan pandangan, boleh juga berhujjah.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi sahabat saya telah memberikan hujjah yang benar-benar sihat. Itu yang dikatakan sihat. Di hujjahnya, ini rasanya baik diperbetulkan, kuasa-kuasa pada Menteri ini walaupun diberi, eloklah dikawal, jangan sewenang-wenangnya sahaja. Suka hati sahaja cop rahsia, suka hati sahaja cop rahsia, hal tanah bagi dengan adik-beradik pun cop rahsia, jangan sampai begitu sekali. Kawal. Banyak kita memberikan pandangan-pandangan, malahan banyak kita juga boleh membangkang, bangkangan kita bangkangan sihat untuk keseluruhan, bukan bangkangan untuk hal peribadi sendiri dan untuk kumpulan-kumpulan tertentu sahaja dengan niat yang tidak sihat dan tidak baik. Bagaimana mereka menyatakan mereka membangkang dengan sihat, ikhlas, tulus ikhlas.

Saya percaya mereka tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, apa ertinya tulus dengan ikhlas. Mereka ini sentiasa membangkang apa sahaja, tidak ada satu pun yang baik. Macam mana kata dia itu faham perkataan tulus dan ikhlas. Katanya bangkangan yang tulus dan ikhlas. Kita memang tahu Kerajaan kita liberal, dan memang mengamalkan demokrasi setulin-tulinnya. Bangkanglah, katalah, nasihatlah, bagilah pandangan. Apa yang kita tidak terima ialah

bangkangan yang berbentuk pengkhianatan. Itu kita tidak akan terima, bukan sahaja kita tidak terima, tetapi rakyat jelata yang cintakan kedamaian, keharmonian, kesejahteraan juga tidak akan menerimanya.

Mereka ini tidak ubahlah seperti kata pepatah, seperti ayam jantan, kokok be derai-derai, ekor bergelumang kekotoran. Kerana Dewan ini mulia, saya tidak mahu menggunakan perkataan yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, "bergelumang dengan kekotoran". Mereka mendabik dada menyatakan merekalah pejuang demokrasi, apabila Akta ini dibincangkan di Dewan Rakyat mereka berkabung, Tuan Yang di-Pertua. Saya ketawa terkekel-kekel melihatkan sifat keanakan mereka, dengan izin, childish - too childish, Berkabung, kononnya demokrasi telah mati. Tetapi apakah yang berlaku, seperti kata Timbalan Perdana Menteri tadi, demokrasi yang mereka kata sudah mati, sebenarnya mereka menanamnya sendiri, kemudian tiba-tiba subur.

Sekarang ini mereka berkokok berderai-derai, ke mana-mana sahaja menghasut rakyat, menghentam Kerajaan, menghasut segala cendikiawan-cendikawan dan memberi beberapa hujjah-hujjah halus dan mungkin juga ada perkara-perkara di belakang tabir yang mereka mainkan, menyebabkan ada di antara kita pun nampaknya mirip-mirip hendak terpengaruh, menggunakan kuasa demokrasi tadi. Sebab itu saya kata seperti ayam jantan, kokok berderai-derai, ekor bergelumang kekotoran.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh timbang dengan fikiran kita yang matang, kita juga tahu bahawa segala isi yang ada di dalam Akta ini sama sekali tidak akan menakutkan rakyat - sama sekali tidak, Tuan Yang di-Pertua. Sebab rakyat yang baik, rakyat-rakyat kita

yang taat setia, rakyat yang mencari makan, terutama di pendalaman, dia tidak pernah campurtangan tentang hal ehwal curi-curi rahsia, ataupun hal yang berkaitan dengan perkara-perkara rahsia seperti ini.

Mungkin ada kepentingan dari pihak media massa umpamanya, kalau perlaksanaannya nanti di selewengkan akan terjejas. Saya juga setuju, Tuan Yang di-Pertua. Akta ini apabila telah selesai diputuskan, dijalankan, jangan ada berlaku penyelewengan. Ikut benar-benar sepertimana yang diputuskan, sebab Akta yang dipinda ini tidak sama sekali menyekat atau menghadkan hak-hak penulis-penulis tanahair kita atau kepada mereka yang ingin memberi bantahan, memberikan teguran dan saluran-saluran maklumat antara Kerajaan dengan kita atau mereka ingin mendedahkan beberapa perkara yang dirasakan tidak begitu sihat dilakukan, kerana ada ceraihan-ceraian yang menunjukkan hak mereka ini terpelihara. Satu daripada contohnya ialah bahawa Akta ini kepada mereka yang mempunyai kuasa untuk mengkelaskan rahsia-rahsia besar dan segala-galanya yang disebutkan tadi, mempunyai satu garis panduan yang tertentu. Bukan boleh buah suka hati saja. Ada panduan-panduan tertentu yang Menteri itu boleh buat, ini sahaja dia boleh buat, ini dia tidak boleh buat. Kalau ini juga barangkali terbabas.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada Majlis Keselamatan Negara, kita ada BPR, kita ada Polis, kita ada Polis-Polis Rahsia, tidak akan mungkin, barangkali Perdana Menteri kita, Timbalan Perdana Menteri kita, Menteri kita pejam mata sahaja kalau biawak hidup lalu di hadapan matanya. Ini tidak mungkin sebab kita menjaga rakyat,

mereka juga hendak mengekalkan imej mereka sebagai pemimpin yang baik dan disenangi oleh rakyat dan tema kita "Tradisi Membela Rakyat". Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini prasangka janganlah dibesar-besarkan, andaian dan ramalan-ramalan janganlan dijadikan sebagai faktor untuk kita mengangsikan Undang-undang ini atau pindaan Akta ini yang mana ini boleh menjerat kita sendiri dan boleh mengkaburkan lagi pandangan rakyat yang akan terkeliru dengan adanya cocokan-cocokan, hasutan-hasutan ini.

Tuan Yang di-pertua, pandangan saya kepada Kerajaan ialah yang pertama awasilah Undang-undang ini nanti pada pelaksanaannya supaya jangan ada berlaku sedikit pun penyelewengan. Kedua, berilah penerangan-penerangan yang lebih jelas kepada rakyat, adakanlah dailog, soal jawab seperti yang semalam yang pernah dilakukan oleh RTM, suratkhobar. Pegawai Penerangan kita bergerak cergaslah ke ceruk-ceruk rantau menjelaskan kepada rakyat umum kepada tujuan-tujuan, maklumat Akta ini supaya mereka jangan mudah terpengaruh dan tertipu. Ketiga, sekiranya terdapat apa-apa penyelewengan nanti dari segi pelaksanaannya maka Yang Amat Berhormat Perdana dan Timbalan Perdana Menteri, sama ada mereka ini akan berkuasa 10 tahun atau 20 tahun lagi atau sesiapa yang lain nanti yang akan menjadi Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, hendaklah mengawasi segala Menteri-menteri, pegawai-pegawai mereka supaya benar-benar menggunakan Akta ini demi untuk tujuan negara, kesejahteraan rakyat dan juga untuk kebahagiaan bagi negara Malaysia kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah dahulu, kerana banyak lagi sahabat kita hendak bercakap, masa pun sudah cukup dan akhirnya saya dengan sepenuhnya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak bertanya, ada lagikah Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? [Beberapa orang Ahli bangun] Baiklah, kita sambung lagi perbahasan kita pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang yang tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 3.00 petang, hari esok, Jumaat 19hb Disember, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

